

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

1. Apakah langkah persiapan dan pelan tindakan yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi menghadapi kesan fenomena La Nina seperti banjir dan tanah runtuh?
 - (a) Apakah kaedah penyebaran maklumat serta amaran awal yang digunakan bagi memastikan penduduk sentiasa peka terhadap risiko bencana alam?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Berdasarkan rekod-rekod terdahulu, setiap episod La Nina memberi kesan yang berbeza kepada pola taburan hujan negara bergantung kepada intensiti dan tempoh kejadiannya. Dalam hubungan ini, kerajaan negeri sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi apa juga kemungkinan berlakunya bencana dengan membuat persediaan dan perancangan seperti mengadakan mesyuarat jawatankuasa bencana di peringkat daerah dan negeri secara berkala bagi memastikan kekuatan anggota dan aset mencukupi dan berada pada tahap yang optimum. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah telah memperkukuh pelan tindakan kesiapsagaan dengan kerjasama Agensi Tindak Balas, Agensi Teknikal, Agensi Sokongan serta Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dalam pengurusan bencana dari segi pemantauan dan mengemas kini kawasan berisiko, pembangunan keupayaan sumber manusia dan kompetensi, melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai bencana terhadap masyarakat, menyediakan inventori logistik yang

lengkap dan dalam keadaan baik serta mengemas kini pelan komunikasi dan koordinasi tindak balas bencana.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Unit Pengurusan Bencana (UPB) telah melaksanakan beberapa kaedah penyebaran maklumat dan amaran awal bagi memastikan penduduk sentiasa peka terhadap risiko bencana alam di negeri ini.

Antara kaedah utama ialah penyebaran maklumat melalui infografik berkaitan bencana di platform media sosial rasmi Unit Pengurusan Bencana bagi tujuan hebahan amaran awal dan meningkatkan kesedaran awam. Unit Pengurusan Bencana (UPB) telah mengambil inisiatif bagi mengeluarkan infografik berkaitan bencana bermula dari tahun 2023. Sebanyak lima belas (15) infografik telah dikeluarkan setakat ini iaitu (13) pada tahun 2023 dan (7) pada tahun 2024 manakala bagi tahun 2025 pula, sebanyak (5) infografik telah dikeluarkan. Tajuk infografik bencana ini juga dipelbagaikan mengikut kesesuaian semasa dan dirujuk dari pelbagai sumber agensi seperti Jabatan Metrologi Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Semua infografik boleh didapati melalui Sistem Penang Alert dan laman sosial rasmi *Facebook* Unit Pengurusan Bencana, Pejabat SUK Pulau Pinang.

Selain itu, pelaksanaan program di bawah *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)* turut diberi penekanan bagi memperkukuh kesiapsiagaan masyarakat terhadap risiko bencana. Antara inisiatif di bawah program ini ialah *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)*, yang dilaksanakan secara berterusan melalui penyertaan dalam program bersama komuniti bagi memberikan pendedahan dan meningkatkan kesedaran awam berkaitan pengurusan risiko bencana. Objektif utama program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada warga negeri Pulau Pinang tentang risiko perubahan iklim terutamanya berkaitan bencana banjir dan langkah-langkah mitigasi dan adaptasi yang boleh diambil oleh komuniti setempat. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran, kesiapsiagaan dan keupayaan tindak balas masyarakat dalam menghadapi

situasi kecemasan bencana alam. Antara program CEPA yang telah disertai adalah seperti berikut:

- (i) Pada 8 Oktober 2025 dan 9 Oktober 2025 Unit Pengurusan Bencana (UPB) telah membuka *booth* pameran di Sekolah Menengah Bakti, Tasik Gelugor dan SMK Datuk Haji Ahmad Said. *Booth* tersebut menampilkan bahan pameran berkaitan pengurusan bencana seperti panduan menghadapi banjir, kebakaran, tanah runtuh dan ribut, serta memperkenalkan fungsi dan peranan UPB dalam penyelarasan bantuan bencana di peringkat negeri. Melalui penyertaan ini, para pelajar dan warga sekolah berpeluang berinteraksi secara langsung dengan pegawai UPB, mendapatkan maklumat berkaitan langkah-langkah keselamatan, serta menyertai aktiviti interaktif seperti kuiz kesedaran bencana dan demonstrasi penggunaan peralatan asas kecemasan. Program ini juga menjadi platform penting untuk memupuk budaya kesiapsiagaan bencana sejak di bangku sekolah.
- (ii) Pada 9 Mac 2025 (Ahad) *Think City Penang* telah mengadakan satu bengkel persediaan bencana perubahan iklim Bersama komuniti pada 9 Mac 2025 di Dewan MPKK Jalan Tengah Selatan, Bayan Lepas. Unit Pengurusan Bencana dipanggil untuk memberikan taklimat mengenai risiko dan kesan banjir serta persediaan untuk banjir. UPB juga menyampaikan maklumat berkenaan bantuan-bantuan yang disalurkan oleh kerajaan bagi mangsa yang terjejas akibat bencana dan cara memohon bantuan tersebut.
- (iii) Pada 30 Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah mengadakan program sambutan Bulan Kesiapsagaan Nasional. Pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada agensi awam dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Program tersebut menjadi salah satu platform untuk menghebahkan maklumat mengenai ramalan cuaca

sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026, panduan pendaftaran PPS, risiko penyakit bawaan air semasa dan selepas banjir serta panduan menyelamatkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

2. Penaiktarafan Dewan Sri Pinang dan Galeri Seni Negeri Pulau Pinang memerlukan pusat seni dan persembahan bertaraf antarabangsa. Apakah status terkini projek penaiktarafan ini, termasuk skop kerja, anggaran kos keseluruhan dan tempoh pelaksanaannya?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Status terkini:

- (i) Kementerian Ekonomi (KE) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM52 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) bagi pelaksanaan projek ini dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek ini; dan
- (ii) Kerja awalan melibatkan kerja ukur topografi dan pemetaan utiliti telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan selesai pada Oktober 2025; dan

Skop kerja bagi projek ini merangkumi:

- (i) Naik taraf ruang guna sama dan ruang seni persembahan (auditorium);
- (ii) Rawatan struktur, fasad dan ruang dalaman;

- (iii) Naik taraf sistem mekanikal, elektrik dan sistem keselamatan;
- (iv) Pemasangan lif dan tangga bergerak (*escalator*);
- (v) Penambahbaikan kemudahan asas;
- (vi) Pembinaan Galeri TYT;
- (vii) Pembesaran ruang makan; dan
- (viii) Penaiktarafan landskap.

Anggaran kos keseluruhan projek: RM52,000,000.00

Perancangan masih dibuat dan tempoh pelaksanaan belum dimuktamadkan lagi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

3. Senaraikan acara antarabangsa yang akan dianjurkan di Penang Waterfront Convention Centre (PWCC) pada tahun ini dan akan datang, berserta jangkaan jumlah pelancong serta manfaat ekonomi kepada Negeri Pulau Pinang.

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Melalui Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB), beberapa acara perniagaan dan pameran antarabangsa utama telah berjaya disusun dan akan berlangsung di Penang Waterfront Convention Centre (PWCC) seperti berikut:
 - (a) *K-Beauty Expo Malaysia & K-MediTech Expo* (20 hingga 22 November 2025)
 - (i) Melibatkan antara 150 hingga 200 pempamer (exhibitors) dan sekitar 5,000 pengunjung.
 - (ii) Menjana anggaran sumbangan ekonomi (Estimated Economic Impact – EEI) sebanyak RM29 juta;
 - (b) *WaterTech Asia 2025* (2 hingga 4 Disember 2025)
 - (i) Menarik penyertaan lebih 600 peserta dan pempamer.

- (ii) Menyumbang EEI sebanyak RM3.4 juta kepada ekonomi negeri;
- (c) *MedHealth Pharma 2026* (12 hingga 14 Mei 2026)
 - (i) Disertai oleh lebih 300 peserta dari dalam dan luar negara.
 - (ii) Memberikan EEI sebanyak RM1.8 juta; dan
- (d) *MSA–CoA Annual Scientific Congress 2026* (31 Julai hingga 2 Ogos 2026)
 - (i) Menghimpunkan lebih 1,000 peserta dan pengunjung profesional perubatan.
 - (ii) Menjana EEI sebanyak RM5.6 juta.

Secara keseluruhannya, penganjuran acara-acara antarabangsa ini bukan sahaja menonjolkan keupayaan Pulau Pinang sebagai destinasi acara perniagaan bertaraf dunia, malah menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan sektor pelancongan dan ekonomi negeri melalui peningkatan kadar penginapan hotel, penggunaan perkhidmatan logistik, pengangkutan serta perbelanjaan pelancong.

Selain acara berskala antarabangsa, beberapa acara nasional dan tempatan turut dijadualkan berlangsung di PWCC, yang dijangka memperkukuh lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai hab acara perniagaan serantau dan meningkatkan limpahan ekonomi kepada komuniti setempat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

4. Apakah status semasa projek pembesaran LTAPP termasuk skop kerja, kapasiti penumpang baharu, kemudahan tambahan yang dirancang serta tempoh pelaksanaan keseluruhan projek?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Status semasa projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) mengikut pakej kerja adalah seperti berikut:
- (i) Pakej Kerja 01 iaitu pembinaan bangunan sokongan dengan progres terkini sebanyak 78%;
 - (ii) Pakej Kerja 02 iaitu kerja- kerja pelebaran apron parkir pesawat dan taxiway dengan progres terkini adalah sebanyak 30%; dan
 - (iii) Pakej Kerja 03 merangkumi pembesaran terminal utama dan infrastruktur dalaman di mana pakej kerja ini masih dalam fasa rekabentuk (Design Stage).

Pada masa ini, LTAPP beroperasi dengan kapasiti 6.5 juta penumpang setahun (*million passenger per annum* - mppa). Melalui projek pembesaran ini, kapasiti LTAPP akan ditingkatkan kepada 12 juta mppa bagi menampung pertumbuhan trafik penumpang masa hadapan.

Antara kemudahan tambahan yang disediakan turut merangkumi pembinaan 16 petak parkir apron baharu, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 28 petak parkir apron bagi kegunaan penerbangan domestik dan antarabangsa. Ruang lantai terminal juga telah diperluas sehingga dua kali ganda daripada saiz asal, sekali gus menyediakan kapasiti yang mencukupi untuk menampung peningkatan jumlah penumpang. Penambahan ini menjadi asas penting kepada fasa perluasan apron dan terminal pada masa hadapan. Selain itu, kerja-kerja pembaikan dan naik taraf turut dilaksanakan di taxiway K bagi melancarkan pergerakan pesawat ke kawasan parkir.

Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama empat (4) tahun, dengan kerja-kerja pembinaan yang telah bermula pada tahun 2024 dan dijangka siap sepenuhnya pada Suku Ketiga tahun 2028.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

5. Apakah tahap kesesakan di terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada masa ini?
- (a) Adakah masalah ini berpunca daripada kekurangan kaunter imigresen?
 - (b) Apakah langkah atau pelan penambahbaikan yang dirancang bagi mengatasi isu tersebut serta meningkatkan kecekapan pengurusan penumpang?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah 6.5 juta mppa (*million passenger per annum*). Bagi tempoh Januari hingga September 2025, LTAPP telah merekodkan sebanyak 6,160,138 orang penumpang secara keseluruhan, terdiri daripada 2,974,557 penumpang domestik (48%) dan 3,185,581 penumpang antarabangsa (52%). Berdasarkan jumlah tersebut, purata penumpang harian yang menggunakan lapangan terbang ini adalah sekitar 22,815 orang sehari, melebihi kapasiti reka bentuk terminal sedia ada iaitu 18,200 orang sehari.
- (a) Antara punca kesesakan yang berlaku di terminal, khususnya di kawasan antarabangsa, adalah kerana kekurangan kaunter *autogate* Imigresen di kawasan pelepasan dan ketibaan antarabangsa. Pada masa ini, kaunter *autogate* sedia ada hanya boleh digunakan oleh warganegara

Malaysia, sedangkan jumlah penumpang antarabangsa kini telah melebihi jumlah penumpang domestik.

- (b) Pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua penumpang yang tiba melalui LTAPP. Sehubungan itu, antara langkah atau pelan penambahbaikan yang dirancang bagi mengatasi isu tersebut serta meningkatkan kecekapan pengurusan penumpang adalah, pihak MAHB telah bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dengan melaksanakan Projek Sistem Imigresen Bersepadu *National Integrated Immigration System* (NiiSE) yang melibatkan penaiktarafan sistem *autogate* sedia ada kepada sistem baharu yang boleh digunakan oleh semua penumpang daripada 63 buah negara termasuk tambahan tujuh (7) negara ASEAN dan warganegara Malaysia. 11 unit egate (5 unit untuk pelepasan dan 6 unit untuk ketibaan) dijangka akan dipasang pada bulan Disember 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

6. Baru-baru ini, beberapa kes jenayah pembunuhan dilaporkan di Pulau Pinang. Apakah kadar jenayah semasa serta kedudukan negeri ini dalam indeks keselamatan berbanding negeri-negeri lain?
- (a) Apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi meyakinkan masyarakat serta memperkukuh tahap keselamatan awam di negeri ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Berdasarkan analisis dari statistik jenayah indeks bagi tempoh 01 Januari hingga 30 September 2024 berbanding tempoh yang sama tahun 2025, keseluruhan kes jenayah indeks menunjukkan penurunan sebanyak -823 kes @ -25.5% iaitu daripada (3223) kes kepada (2400) kes.

Bagi kes bunuh Pulau Pinang menunjukkan peningkatan sebanyak +2 kes @ +33.3% iaitu daripada (6) kes kepada (8) kes.

Negeri Pulau Pinang berada di kedudukan yang keenam (6) keseluruhan kes jenayah indeks berbanding dengan negeri-negeri lain.

- (a) Usaha yang dilaksanakan dalam mengurangkan kadar jenayah di Pulau Pinang ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang bersama agensi-agensinya kerajaan negeri yang lain telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan

keselamatan dan kesejahteraan orang ramai terus terjamin. Langkah – langkah yang diambil adalah seperti berikut :-

- (i) Tindakan proaktif diambil bersama-sama agensi kerajaan yang lain dengan mengadakan Operasi Bersepadu disamping mempertingkatkan operasi-operasi yang sedia ada secara berkala seperti Op Dadu, Op Noda, Op Cantas, Op Rentap, Op Pintu, Op Lejang dan Op Luluh. Kesemua penugasan ini ditumpukan pada tempat-tempat yang sering berlaku jenayah dan menjadi punca peningkatan kes jenayah.
- (ii) Jenayah-jenayah yang menjadi penyumbang utama kes misalnya lain-lain curi, curi motosikal, pecah rumah dan samun akan ditangani secara lebih berkesan dengan mewujudkan *Task Force* samada di peringkat Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) dan daerah dalam usaha menangani jenayah tersebut.
- (iii) Semua Ketua Polis Daerah telah diarah untuk mempertingkatkan pencegahan jenayah dengan menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB), rondaan kereta peronda (MPV) dan operasi-operasi berkala ke atas tempat-tempat sasaran yang menghadapi peningkatan jenayah.
- (iv) Tindakan proaktif juga diambil bersama-sama dengan agensi-agensinya kerajaan yang lain dan NGO-NGO bagi menerangkan dan menghebahkan maklumat dari segi menjaga harta benda dan nyawa. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

7. Senaraikan semua klinik kesihatan di DTL berserta jumlah tenaga perubatan di setiap klinik, serta jumlah pesakit yang telah menerima rawatan dari tahun 2022 hingga 2025.
 - (a) Nyatakan sama ada terdapat perancangan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Gelugor bagi menampung keperluan penduduk setempat memandangkan keluasan tapaknya yang kecil dan terhad.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Terdapat sebanyak 11 buah klinik kesihatan di Daerah Timur Laut dengan jumlah kedatangan pesakit dan staf kesihatan seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Bagi Klinik Kesihatan Gelugor Daerah Timur Laut, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang buat masa ini sedang memohon kelulusan bagi pelaksanaan projek seperti berikut:
 - (i) Mengubah suai anjung klinik untuk dijadikan kaunter pendaftaran dan ruang farmasi tambahan;
 - (ii) Menaik taraf bilik kad dan farmasi; dan
 - (iii) Menaik taraf sistem elektrik di bahagian klinik pesakit luar.

LAMPIRAN A**JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT DAN STAF KESIHATAN DI KLINIK KESIHATAN
DAERAH TIMUR LAUT**

Klinik Kesihatan (KK)	Jumlah staf	Purata Kedatangan Pesakit Harian			
		2022	2023	2024	2025 (sehingga Ogos)
KK Air Itam	55	352	434	361	359
KK Jalan Angsana	93	815	1018	865	720
KK Bukit Bendera	2 (daripada KK Air Itam)	1	1	1	0
KK Bukit Jambul	36	340	224	407	339
KK Jalan Macalister	60	516	867	798	536
KK Jalan Perak	107	1416	1572	1246	842
KK Lebuh Muntri	13	63	103	105	51
KK Sungai Dua Timur Laut	74	684	777	788	663
KK Tanjung Bungah	43	317	476	540	457
KK Gelugor	9	48	62	67	59
KK UTC Pulau Pinang	10	70	139	148	83

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

8. Nyatakan jumlah peruntukan Geran MARRIS yang diterima oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang bagi setiap tahun sejak 2023.
- (a) Bagaimanakah peruntukan tersebut diagihkan kepada setiap daerah, memandangkan sering timbul aduan bahawa JKR daerah menghadapi kekangan peruntukan dan perlu menunggu kelulusan dana?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Jumlah peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) yang diterima oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) bagi tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: PERUNTUKAN MARRIS JKRPP (2023-2025)

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2023	77,224,899.48
2024	60,155,099.58
2025	67,943,701.06

- (a) Agihan peruntukan yang disalurkan kepada setiap JKR Daerah adalah berdasarkan kepada penyaluran peruntukan oleh Jabatan Kewangan Negeri (JKN) dan senarai permohonan oleh setiap JKR Daerah pada setiap tahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

9. Bagaimanakah Kerajaan Negeri ingin meningkatkan tahap kebersihan dan amalan sihat di premis-premis makanan memandangkan usaha-usaha pemeriksaan dan penutupan masih tidak memberikan dampak yang signifikan?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa mengambil langkah-langkah yang berterusan untuk memastikan tahap kebersihan dan amalan sihat di premis-premis makanan berada pada tahap yang terbaik. Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tahap kebersihan dan amalan sihat di premis-premis makanan adalah seperti berikut:
- (a) Bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan operasi dan pemantauan bersepadu bagi membolehkan tindakan yang lebih agresif dapat diambil;
 - (b) Membuat penggredan premis makanan bagi menilai tahap pematuhan kebersihan dan keselamatan;
 - (c) Mengadakan pertandingan premis makan terbaik setiap tahun bersempena Sambutan Hari Penjaja dan Komuniti Peniaga bagi menggalakkan peniaga menjaga tahap kebersihan; dan

- (d) Mengadakan kursus dan latihan pengendali makanan yang lebih efektif.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

10. Apakah jumlah keseluruhan penumpang (ridership) Perkhidmatan Rapid On Demand (ROD) di seluruh Pulau Pinang setakat ini?
- (a) Berapakah bilangan van ROD yang beroperasi di negeri ini?
- (b) Apakah jumlah *ridership* di kawasan Seri Delima serta bilangan van yang disediakan di bawah kawasan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Jumlah keseluruhan penumpang (ridership) Perkhidmatan Rapid On Demand (ROD) di seluruh Pulau Pinang secara purata penumpang harian setakat ini adalah seperti jadual berikut:

No	Zon	Purata Penumpang Harian
1	T110B Gurney	376
2	T111B Georgetown	452
3	T210B Farlim	325
4	T311B Jelutong	197
5	T312B Bayan Lepas	122
6	T313B Bayan Baru	199
7	T410B Balik Pulau	189

8	T611B Bertam	105
9	T710B Sunway	377
10	T711B BM City	166
11	T712B Alma	147
12	T810B Batu Kawan	141
13	T811B Nibong Tebal	94

- (b) Jumlah van ROD yang beroperasi di Pulau Pinang ialah 50 unit.
- (c) Kawasan Seri Delima adalah di dalam ROD zon Jelutong dengan purata harian penumpang untuk zon Jelutong sebanyak 197 orang dengan empat (4) buah van beroperasi di zon ini. Selain itu, bagi yang memilih perkhidmatan bas, pengguna boleh menaiki bas nombor 206 yang beroperasi dari Jetty ke Tesco Sungai Nibong.

Rapid Penang sentiasa menilai semula liputan perkhidmatan berdasarkan corak permintaan, kepadatan penduduk dan keperluan komuniti setempat. Sekiranya terdapat keperluan baharu di kawasan Seri Delima, pihak Rapid Penang sedia meneliti potensi peluasan zon ROD secara berperingkat tertakluk kepada penilaian teknikal, dan kapasiti operasi.

Langkah ini sejajar dengan komitmen berterusan Rapid Penang untuk memastikan akses pengangkutan awam yang inklusif, efisien dan kondusif kepada semua pengguna.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

11. Senarai dan prestasi GLC di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berserta jumlah peruntukan tahunan yang diterima sejak tahun 2022.
 - (b) Nyatakan juga peranan utama serta prestasi kewangan masing-masing sepanjang tempoh tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. (a) Terdapat sebanyak tujuh belas (17) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) GLC di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Perincian mengenai prestasi GLC adalah seperti di **LAMPIRAN A**, manakala jumlah peruntukan tahunan yang diterima sejak tahun 2022 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (b) Peranan utama setiap GLC adalah seperti di **LAMPIRAN C** dan prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN D**.

Prestasi bagi Badan Berkanun Negeri

Bil.	Nama Badan Berkanun Negeri	Tahun	Prestasi
1.	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)	2022	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peningkatan hasil setelah keadaan ekonomi kembali pulih iaitu sebanyak RM3,276,681.11 2. Pelaksanaan RFP <ul style="list-style-type: none"> • Pelantikan Operator Bagi Menguruskan Astaka Hillside Tanjung Bungah (Kompleks Mutiara Selera), Jalan Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang • Pelantikan Operator Bagi Menguruskan Butterworth Arena Dan Tempat Letak Kereta Di Ampang Jajar, Jalan Permatang Pauh, Taman Kerapu, 13400 Butterworth, Pulau Pinang 3. Anugerah/ Pengiktirafan: <ul style="list-style-type: none"> • Projek Penang Bay sebagai Projek Perintis pertama di bawah inisiatif UN Habitat Sustainable Development Goals (SDG) Cities semasa Persidangan SDG Cities di Shanghai, China • SDG Cities Silver Certification on World Cities Day <p>Senarai projek Siap:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penawaran Tanah RIBI Ampang Jajar 2. Stonyhurst International Scholl Penang 3. Projek Penempatan Taman Kalidonia Indah Fasa 1
		2023	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penjanaaan hasil tahunan kepada Kerajaan Negeri melalui pajakan/sewaan dan projek pembangunan sebanyak RM3,223,697.69 <p>Anugerah/ Pengiktirafan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Johan Anugerah Nirtunai agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Kategori C (<1,000 transaksi)

		<p>Senarai Projek Siap:</p> <ol style="list-style-type: none"> PICCA Convention Centre @ Butterworth Arena, Butterworth Astaka Hillside, Tanjung Bungah
	<p>2024</p>	<ol style="list-style-type: none"> Penjajaan hasil tahunan kepada Kerajaan Negeri melalui pajakan/sewaan dan projek pembangunan sebanyak RM6,409,632.25 Pelaksanaan RFP <ul style="list-style-type: none"> <i>Request For Proposal</i> (RFP) Untuk Pembangunan Tanah Kerajaan Di Atas Sebahagian Lot 642, Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang Untuk Tujuan Pembangunan Bercampur <i>Request For Proposal</i> (RFP) Bagi Cadangan Pembangunan Satu (1) Unit Feri Pulau Angsa Untuk Dijadikan Produk Pelancongan <p>Anugerah/ Pengiktirafan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Project Of the Year at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)-George Town Esplanade Project Excellence Award for Landscape Design (Malaysia Project) in the Professional category at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)-George Town Esplanade Project Conservation and Preservation Award at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)- George Town Esplanade Project Sijil Kecemerlangan MCIEA 2024 - Anugerah Projek Terbaik (Infrastruktur-Kategori Kecil) bagi Kerja-Kerja Pengukuhan Dan Penambahbaikan Tembok Laut Padang Kota Lama, Esplanade, Pulau Pinang MBE Award 2025 (Projek Picca@butterworth Arena) <p>Senarai projek siap:</p> <ol style="list-style-type: none"> Linear Garden, George Town Gurney Bay Fasa 1 Galeri Arkeologi Guar Kepah, Kepala Batas Feringgi Bay

	2025	<p>1. Penjaan hasil sehingga 31 September 2025 dan anggaran hasil tahunan kepada Kerajaan Negeri melalui pajakan/sewaan dan projek pembangunan sebanyak RM8,493,891.79 (Tidak termasuk bayaran 10% (Fasa 1) tanah gelugor yang dilaksanakan oleh CMI melalui RFP dengan hasil yang telah diterima Kerajaan Negeri ialah sebanyak RM22 juta)</p> <p>2. Penganjuran <i>CMI and ICDM Governance Dialogue</i> bersama pengurusan tertinggi semua GLC.</p> <p>Anugerah/ Pengiktirafan:</p> <p>3. Johan Anugerah Nirtunai agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Kategori C (<1,000 transaksi)</p> <p>Senarai projek siap dan dijangka siap:</p> <p>4. Projek Penempatan Semula Ladang Byram</p> <p>5. Astaka Kota Selera dan Parit Kubu (Moat), Fort Cornwallis</p> <p>6. Fort Cornwallis (10 galeri pameran di <i>storeroom</i>)</p>
--	------	--

Prestasi bagi lapan belas (18) GLC di bawah CMI dan SSI

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi								
1.	Invest-In Penang Berhad	2022-2024	<p>1. Program promosi pelaburan antarabangsa dilaksanakan secara berterusan.</p> <p>2. Peningkatan visibiliti Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan utama.</p> <p>3. Hubungan strategik dengan pemain industri dan institusi dikukuhkan.</p> <p>4. Nilai pelaburan tahunan meningkat selaras dengan sasaran KPI dengan penarikan pelaburan pembuatan ke dalam negeri Pulau Pinang. Jumlah pelaburan pembuatan yang berjaya direkodkan bagi tahun 2022 hingga kini adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="571 743 774 1422"> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Jumlah (RM) - bilion</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2022</td> <td>13.7</td> </tr> <tr> <td>2023</td> <td>63.4</td> </tr> <tr> <td>2024 (Jan - Jun)</td> <td>5.0</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	Jumlah (RM) - bilion	2022	13.7	2023	63.4	2024 (Jan - Jun)	5.0
Tahun	Jumlah (RM) - bilion										
2022	13.7										
2023	63.4										
2024 (Jan - Jun)	5.0										
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	2022 2023 2024 2025	<p>1. Penang International Food Festival 2022 (20 - 28 Aug 2022)</p> <p>1. Penang International Food Festival 2023 (3 - 25 Jun 2023)</p> <p>1. Chap Goh Mei (24 Feb 2024)</p> <p>2. Penang Bon Odori 2024 (27 July 2024)</p> <p>1. Jumlah ketibaan pelancong meningkat lebih 5% berbanding tahun sebelumnya.</p> <p>2. Promosi pelancongan di pasaran antarabangsa dilaksanakan secara aktif.</p> <p>3. Liputan media antarabangsa dan pengiktirafan jenama Pulau Pinang bertambah.</p> <p>4. Kolaborasi promosi dengan agensi pelancongan global dipertingkatkan.</p>								
3.	Penang Convention &	2022	1. Asian Tourism & Hospitality Awards 2022- 2023 "Pioneering Business Events CEO of the Year 2022"								

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
	Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)		<i>Expected Economic Income</i> (EEI) tahunan sebanyak RM375.91 juta
		2023	<ol style="list-style-type: none"> Asian Tourism & Hospitality Awards 2022- 2023 "Pioneering Business Events CEO of the Year 2022" <i>Expected Economic Income</i> (EEI) tahunan sebanyak RM1.03 billion
		2024	<ol style="list-style-type: none"> The BrandLaureate Awards Brand Leadership Award for Leadership Excellence in the MICE and Hospitality industries Nation Branding Award for M.I.C.E (Meeting, Incentive, Conference, Exhibition) in the category of The BrandLaureate Fast Moving Growing Sustainable Business & Brands Award 2024 <i>Expected Economic Income</i> (EEI) tahunan sebanyak RM1.29 billion
		2025	<ol style="list-style-type: none"> Pertambahan bilangan acara MICE tempatan dan antarabangsa. Sumbangan <i>Expected Economic Income</i> (EEI) meningkat sejajar dengan sasaran. Hubungan dengan penganjur antarabangsa diperkukuh untuk menarik acara baharu. <i>Expected Economic Income</i> (EEI) tahunan sebanyak RM865.47 juta (sehingga September)
4.	George Town World Heritage Incorporated	2022	<ol style="list-style-type: none"> Sia Boey sebagai Taman Hijau Arkeologi Bandar yang pertama di Malaysia. Projek ini juga telah memenangi Honorary Mention dibawah The Edge Malaysia-PAM Green Excellence Award 2020, dan MIP Planning Excellence Awards 2022. Projek Normal Baharu Di George Town. Pihak GTWHI telah menggunakan sistem pangkalan data dalam talian untuk merekodkan informasi pemohon dan bangunan warisan yang terlibat dalam projek ini. Penganjuran George Town Heritage Celebrations 2022
		2023	<ol style="list-style-type: none"> Penganjuran George Town Heritage Celebrations 2023 Penganjuran George Town Festival 2023

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
		2024	<ol style="list-style-type: none"> Mendapatkan peruntukan RM25 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk Program Inisiatif Pemeliharaan dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Sebanyak 10 komponen projek iaitu Pembaikan dan Pemeliharaan Bangunan Warisan Kategori I dan Kategori II, Laluan Kaki-Lima untuk Semua, Lukisan Terukur bagi Bangunan Kategori I, Laporan Kajian Dilapidasi dan Pernyataan Tatacara Kerja, Penaiktarafan Sistem Pencarian Jalan, Projek Pengurangan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti terhadap Warisan Budaya, Projek Pembinaan Kapasiti Warisan Budaya Tidak Ketara Berasaskan Komuniti, Aktiviti Warisan Kebudayaan dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan <i>George Town Heritage Research, Education and Learning International Centre</i> (RELIC). Pemasangan 10 unit defibrilator luaran automatik (AED) di bangunan warisan Kategori 1 di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.
		2025	<ol style="list-style-type: none"> Berjaya menjalin sekurang-kurangnya satu perkongsian strategik antarabangsa. Semua pertanyaan warisan dijawab dalam tempoh 7 hari bekerja. Aktiviti libat urus komuniti melebihi empat (4) kali setahun. Tahap penggunaan geran operasi mencapai 90% menjelang akhir tahun fiskal. Pelaksanaan sistem kebajikan dan latihan kakitangan dijalankan dengan baik.
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	2022	<ol style="list-style-type: none"> Aplikasi <i>Penang Stops Violence</i> telah memenangi Anugerah '<i>Geospatial World Excellence Award</i>' di bawah kategori Keselamatan Awam di <i>Geospatial World Forum</i>, Amsterdam pada Mei 2022. GRPB Movers bertujuan merekrut lebih ramai orang awam yang boleh menjadi penggerak GRPB. Pusat Komuniti Padang Tembak dibuka MoU bersama MHAS sebagai satu inisiatif untuk menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Usia. Penerbitan buku pertama bertajuk 'Step In' dengan kod ISBN Bengkel Digital Eko-USahawan Peringkat Asas khusus kepada wanita dalam golongan pendapatan B40.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			<p>7. JelaJah Cendoi Pasemboq ke 40 KADUN seluruh Pulau Pinang untuk menyantuni komuniti setempat dengan pelbagai aktiviti dan hadiah-hadiah menarik.</p>
		2023	<ol style="list-style-type: none"> 1. Taska D'Komtar 2.0 - Inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyediakan Taska untuk menempatkan anak-anak penjawat awam. 2. <i>The Mayor's Dialogue on Sustainable Budgeting</i> anjuran URBANICE Malaysia dengan kerjasama PWDC. 3. Pelancaran Pelan Tindakan 2023 dan Pelan Strategik 2023-2025 Dasar Keterangkuman Gender (DKG) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). 4. UCLG ASPAC dengan kerjasama PWDC telah menjalankan Sesi Bengkel GRPB untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. 5. MBPP dengan sokongan PWDC, diterima sebagai Ahli Bandar Mesra Usia bawah <i>World Health Organisation (WHO)</i>. 6. MBPP bersama PWDC menerajui inisiatif Bandar Mesra Usia untuk menjadi Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang inklusif. 7. Pengiktirafan PWDC sebagai rakan kerjasama oleh PDRM Pulau Pinang. 8. Latihan <i>First Support Point</i> bagi Dasar Keluarga Selamat untuk peserta dari kalangan ahli JPWK, PYDC dan PEKA. <p>Malaysia <i>Book of Records 'Largest Participation in a Zumba Event'</i> sempena Hari Wanita Sedunia Pulau Pinang 2023. Seramai 9,500 peserta telah mengambil bahagian acara zumba ini.</p>
		2024	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perasmian Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia - MBPP 2. Bengkel Wanita Gerak merupakan sebahagian daripada Geran Pekan Seberang Perai yang dibawakan oleh <i>Think City</i>. 3. Latihan untuk PDRM dalam mengendalikan Kes Keganasan Rumah Tangga berlandaskan Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang. 4. Program PenMentor sebuah program yang menawarkan kursus intensif, bimbingan permentoran kepada usahawan wanita dan juga sebagai platform untuk mengembangkan jaringan.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
		2025	<p>5. Kerja Perundingan GRPB di luar Pulau Pinang - inisiatif bersama Urbanice.</p> <p>1. Pelaksanaan dasar GIP dan GRPB dijalankan mengikut jadual.</p> <p>2. 6 sesi kesedaran GIP dilaksanakan di MBPP dan MBSP.</p> <p>3. Penubuhan Jawatankuasa Dasar GI peringkat negeri telah dibuat.</p> <p>4. Projek GRPB dilaksanakan di lebih 10 jabatan/agensi negeri.</p> <p>5. Penganjuran Sidang Wanita dan Program WELIT dijalankan seperti dirancang.</p> <p>6. Program ekonomi wanita (PenMentor & Wanita Jana Rezeki) mencapai sasaran.</p> <p>7. Aduan diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.</p>
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	2021-2024	<p>1. Explorasi Keagamaan</p> <p>Memperkenalkan konsep explorasi keagamaan yang menonjolkan keharmonian dan kepelbagaian agama di Pulau Pinang. Antara produk yang telah diperkenalkan termasuk: 20 buah video <i>Penang How Now</i>, 4 buah <i>Streets of Harmony</i> di Pulau Pinang dan beberapa lagi jelajah keagamaan.</p> <p>2. eRIBI</p> <ul style="list-style-type: none"> -Membangunkan eRIBI, satu sistem yang mengumpul data dan maklumat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Pulau Pinang secara menyeluruh, lengkap dan berpusat. -Menggunakan eRIBI sebagai pengantara Kerajaan negeri dengan RIBI di Pulau Pinang. <p>3. Kerjasama Komuniti</p> <p>Pengukuhan kerjasama bersama komuniti dalam penganjuran perayaan keagamaan peringkat negeri setiap tahun</p> <p>4. Sambutan Harmoni Pulau Pinang</p> <p>Sambutan tahunan yang meraihkan kepelbagaian dan keharmonian agama dan bangsa di Pulau Pinang.</p>

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			<p>5. Urusetia Peruntukan Khas RIBI</p> <p>-Dilantik sebagai urusetia bagi Jawatankuasa Peruntukan Khas RIBI yang bertanggungjawab untuk memproses semua permohonan peruntukan khas daripada RIBI di Pulau Pinang</p> <p>-Unit Perhubungan Masyarakat ditubuhkan dalam struktur pengurusan HARMONICO bagi menyelia khusus hal ehwal bukan Islam di Pulau Pinang</p>
		2025	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan lebih 15 sesi eksplorasi keagamaan (133% pencapaian). 2. Melaksanakan 5 program dialog antara agama (166% pencapaian). 3. Menyiapkan penerbitan video <i>Penang HOW Now</i> dan program <i>Peace 21</i> (100%). 4. Melaksanakan 5 daripada 6 sambutan keagamaan pelbagai agama (80%).
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2023	<ol style="list-style-type: none"> 1. DPSB pada tahun 2023 telah menerima anugerah <i>Outstanding Ecosystem among Medium-Sized Population cities in Southeast Asia by Startup Blink</i>. Lebih daripada 200 syarikat pemula telah berdaftar dengan DPSB, yang menjadi pemangkin kepada ekosistem keusahawanan digital di Pulau Pinang. 2. Hasil daripada kejayaan program "Dah Digital!" juga, DPSB telah dijemput sebagai rakan strategik oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk merangka pelan dan melaksanakan program di pusat-pusat NADI di seluruh negeri. 3. DPSB telah memperkasakan sebanyak 1,530 perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) dalam meningkatkan kemahiran teknologi digitalisasi, menyokong pertumbuhan mereka dalam ekonomi digital yang semakin berkembang pesat.
		2024	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program MyKADUN dan 2. Program <i>Mentorship</i> untuk memperkuat ekonomi digital
		2025	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program MyKADUN dilaksanakan di 13 pejabat Parlimen.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			<p>2. Pembaca IC disediakan di 53 pusat perkhidmatan.</p> <p>3. Lebih 90 MSME menyertai <i>Digital Transformation Programme</i> setiap tahun.</p> <p>4. Lebih 750 kelas digital berjaya dilaksanakan sejak 2021.</p> <p>5. 15 perkongsian strategik digital diwujudkan dengan rakan industri.</p>
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	Program perintis 2022-2024	<p>Pembangunan Bakat TVET / TECH Start (18 Sekolah, 9 Penaja) Program Perintis : 2022/2023 & 2023/2024 Melibatkan kerjasama sekolah dan institusi latihan TVET untuk meningkatkan kesedaran mengenai pilihan kerjaya TVET dan menawarkan pembelajaran kemahiran asas untuk pelajar sekolah menengah atas yang kurang cenderung secara akademik dengan sokongan industri. Program 2 Tahun (Tingkatan 4 & Tingkatan 5) Pensijilan: <i>City & Guilds</i> Fokus: <i>Mechatronics</i>.</p> <p>STEM Future Proofing (21 Sekolah, 10 Penaja)</p> <p>Program modular untuk pelajar sekolah menengah atas yang cenderung secara akademik, menyediakan asas pembelajaran yang membawa kepada kerjaya di bidang STEM. Program 2 tahun (Tingkatan 4 & 5) Aliran subjek : Engineering & Computer Science.</p> <p><i>STEM Showcases</i> (Han Chiang & UOW Batu Kawan)</p> <p>Acara tahunan yang menyediakan platform untuk pelajar sekolah rendah dan menengah.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menganjur lebih 250 program STEM setahun dengan 40,000 peserta. 2. Kolaborasi bersama industri dan institusi pendidikan meningkat. 3. Penganjuran program berasaskan penyelidikan dan hands-on diperluas. 4. Aktiviti STEM dilaksanakan di kawasan luar bandar.
9.	Penang Science Cluster	2018-2024	<ol style="list-style-type: none"> 1. 70,000 pelajar setahun di Pulau Pinang menyertai program <i>Penang Science Cluster</i>, dari bengkel 2 jam hingga ke program <i>mentorship</i> selama 10 bulan. 2. Lebih daripada setengah juta pelajar dari semua sekolah di Pulau Pinang telah menyertai program-program <i>Penang Science Cluster</i>.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			<p>3. 80% program yang dijalankan oleh <i>Penang Science Cluster</i> ditaja oleh pihak industri dan yayasan.</p> <p>4. Menyediakan latihan kepada guru-guru dalam pelbagai subjek dan bidang teknologi di semua sekolah di Pulau Pinang.</p> <p>5. Menubuhkan <i>MakerLab</i> kepada 129 sekolah di Pulau Pinang.</p> <p>Program-program <i>Penang Science Cluster</i> dijalankan di 10 negeri di Malaysia, termasuk program seperti <i>Experience AI</i>.</p>
10.	Penang Tech Centre	2022	1. Membantu mosti untuk menjalankan Minggu Sains Negara di Pulau Pinang.
		2023	<p>1. Membantu mosti untuk menjalankan Minggu Sains Negara di Pulau Pinang.</p> <p>2. Penceramah jempuan untuk <i>International Symposium on the Development of Natural Science Museums under the Belt and Road Initiative 2023</i>.</p> <p>3. Menubuhkan Konsotium Pendidikan AI yang pertama di Malaysia.</p> <p>Dilantik sebagai Jawatankuasa Pemandu Rangkaian Kolaborasi Pusat Sains Malaysia (MYSAINS).</p>
		2024	<p>1. Membantu mosti untuk menjalankan Minggu Sains Negara di Pulau Pinang.</p> <p>2. Penceramah Untuk <i>International Symposium on the Development of Astronomy Museum & Planetarium in the new era 2024</i>.</p> <p>3. Membinakan Hub Pendidikan AI yang pertama di Malaysia.</p> <p>Dilantik sebagai Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Dan Kebudayaan - Jawatankuasa Angkasa Kebangsaan (JANGKA) MOSTI.</p>
		2025	<p>1. Jumlah pelawat ke pusat pembelajaran meningkat.</p> <p>2. Aktiviti pembelajaran STEM dijalankan secara konsisten.</p> <p>3. Laporan kewangan menunjukkan kedudukan positif dan stabil.</p>
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd	2020-2024	<p>1. Pengiktirafan Pencapaian Jabatan Kerajaan Pulau Pinang bagi Tahun 2020 & 2021.</p> <p>2. Anugerah dari MalaysiaGBC untuk "<i>Leadership In Sustainability Awards 2020 - Best Sustainability Leadership (For Institution/ NGOs)(Honourable Mention)</i>".</p>

Bil.	Nama GLC (Penang Green Council)	Tahun	Prestasi
			<ol style="list-style-type: none"> 3. Penubuhan Unit Pengurusan Bencana Negeri di Pulau Pinang. 4. seminar antarabangsa dengan kerjasama "SEAcircular stakeholder consultation", "Circular Cities Stakeholder Consultation", "Climate Modelling and GHG Training for Early Career Researchers" dan "18. Science for Climate Action Seminar 5. Program Industri Hijau Pulau Pinang yang berpaksikan konsep ESG bagi tujuan membimbing industri tempatan supaya mempunyai daya saing dalam pasaran global. 6. Persidangan "Green Finance" yang pertama di Pulau Pinang berikutan dengan Persidangan dan siri bengkel ESG pada tahun 2022, 2023 dan 2024.
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	2015-2024	<ol style="list-style-type: none"> 1. Beberapa cadangan dasar hijau dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. 2. Bilangan program kesedaran awam dan pendidikan alam sekitar meningkat. 3. Kolaborasi strategik dengan NGO, agensi dan sektor swasta diperluas. 4. Acara hijau negeri dan antarabangsa dianjurkan dengan penyertaan tinggi.
		2020-2024	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pinang (PYDC) telah menganjurkan Sidang Muda Negeri Pulau Pinang, untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan belia dalam urus tadbir awam di Pulau Pinang dari segi kepimpinan dan perkongsian minda. Program Sidang Muda telah kekal dianjurkan sehingga kini dan telah memanfaatkan seramai 242 orang belia melalui program ini. Beberapa alumni Sidang Muda kini telah menceburi bidang politik dan menjadi seorang wakil rakyat/ahli-ahli majlis atau pegawai-pegawai khas bagi ADUN atau Ahli Parlimen. Antaranya termasuk YB Daniel Gooi (EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang), YB Kumaresan (ADUN Batu Uban), Lee Chun Kit (Mantan ADUN Pulau Tikus), Ooi Mei Mei (Ahli Majlis MBPP) dan sebagainya. 2. Program Sukarelawan Belia Pulau Pinang yang dilancarkan sejak tahun 2020 dan kini telah berjaya menarik pendaftaran melebihi seramai 7,300 orang Sukarelawan Belia Pulau Pinang setakat bulan Oktober 2024. 3. Youth Entrepreneurship Challenge telah dianjurkan secara tahunan sejak tahun 2020 dan kini merupakan tahun ke-lima dianjurkan dengan sokongan dari

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			<p>sektor awam, industri-industri, institut pendidikan serta NGO seperti PERDASAMA, Malaysia Indian Chamber of Commerce, Federation of Manufacturing Malaysia (FMM), Penang Chinese Chamber of Commerce Young Entrepreneurs Section (PCCC YES) dan sebagainya.</p>
		2022-2024	<p>Penubuhan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) telah memainkan peranan sebagai mekanisme formal yang menjadi pemangkin program pembangunan belia di setiap KADUN serta melatih lebih ramai lagi pemimpin belia.</p>
		2021-2024	<p>1. Platform Youth With Rhythm yang mendorong golongan belia Pulau Pinang untuk aktif dalam segi seni dan bakat dilancarkan sejak tahun 2021 Sejak tahun 2021, sebanyak 92 persembahan yang telah melibatkan 3404 orang bakat belia melalui platform <i>Youth With Rhythm</i>.</p> <p>2. Di bawah inisiatif Pemerkasaan Belia Luar Bandar, Siri Jelajah Belia telah diperkenalkan bagi mendekati belia di kawasan luar bandar dan memfokuskan penglibatan mereka di dalam program komuniti setempat.</p> <p>Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah berjaya mencatat rekod Malaysian Book of Records untuk "The Longest Urban Forest Themed Mural Art in 2023" menerusi inisiatif <i>Blank Canvas</i> di Taman Rimba Woodhaven pada 26 Jun 2024.</p>
		2025	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program kepimpinan dan pembangunan belia dilaksanakan di semua daerah. 2. Bilangan sukarelawan belia berdaftar meningkat. 3. Dana Pembangunan Belia disalurkan kepada lebih banyak pertubuhan. 4. Belia berisiko dan B40 terlibat dalam program pemerksaan. 5. Penerima Skim Insentif Best Anak Penang bertambah. 6. Aktiviti E-sukan dan program khas belia dilaksanakan mengikut sasaran.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	2022	<ol style="list-style-type: none"> 1. Selepas penantian 20 tahun, pasukan Penang FC telah berjaya menjejakkan kaki ke separuh akhir dalam saingan Piala Malaysia Musim 2022 berjaya tewaskan Sri Pahang dengan jaringan 5-2. 2. Hilal El-Helwe berjaya menjaringkan 4 gol (Top 3) dalam saingan Liga Malaysia 2022. 3. Penang FC merangkul gelaran juara pada 2022 dalam kejohanan 3 penjuru Piala TYT (Tuan Yang Terutama) menewaskan pasukan <i>New Road Team (Nepal)</i> dengan jaringan 5-0. 4. Skuad Penang FC U-23 dibawah kendalian jurulatih Akmal Rizal berjaya merangkul pingat perak dalam acara bola sepak temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2022.
		2023	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penang FC merangkul gelaran juara pada tahun 2023 dalam Piala Harapan 2023 menewaskan pasukan Selangor FC dengan jaringan 2-1. 2. Sonny Saad berjaya merangkul sebagai penjaring terbanyak dalam Piala Harapan 2023 dengan 3 gol sepanjang kejohanan berlangsung.
		2025	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua perlawanan dianjurkan mengikut jadual tanpa kelewatan. 2. Laporan kewangan suku tahunan disiapkan tepat masa. 3. Tahap kehadiran staf melebihi 95%. 4. Tiada isu tatakelola atau ketirisan direkodkan. 5. Peningkatan kadar penglibatan media sosial melebihi 20%.
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	2013-2024	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penganjuran bengkel kecemerlangan, kursus, seminar berkelompok dan program 'outreach' dalam mendapatkan pengiktirafan pensijilan halal dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP). 2. Penyertaan dalam <i>Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)</i>, <i>Selangor International Halal Convention (SELHAC)</i>, <i>Halal Fiesta (HALFEST)</i>, <i>Medan Fair, Selangor International Business Summit (SIBS)</i>, <i>Sabah International Women Expo</i>

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
			<p>(SIWE), <i>World Islamic Entrepreneur Summit</i> (Padang, Indonesia), <i>Thaifex</i> (Bangkok), dan <i>Istanbul Halal Expo</i>.</p> <p>3. Penganjuran acara tahunan <i>Penang International Halal Expo and Conference</i> (PIHEC) yang telah bermula dari tahun 2010. PIHEX 2024 ini akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim dijadualkan pada 7 Disember 2024.</p> <p>PHI dengan kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, Unit Penyeleraan Pelaksanaan (ICU-JPM) telah menganjurkan BootCamp Usahawan Bumiputera Negeri Pulau Pinang siri 1 bertemakan "Pastikan Halal, Memperkasa Ekonomi Ummah" pada 16 sehingga 18 Ogos 2024</p>
		2025	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bilangan usahawan mendapat konsultasi pensijilan Halal meningkat. 2. Program latihan dan seminar Halal dijalankan dengan penyertaan tinggi. 3. Menyertai dan menganjur beberapa ekspo Halal serantau. 4. Kerjasama strategik industri Halal diperluas dalam dan luar negara.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	2023-2024	<p>Pemantauan kerja-kerja tambakan telah bermula pada September 2023 dan sehingga akhir Oktober 2024, seluas 50 ekar tanah telah dihasilkan. Fasa pertama tambakan melibatkan kawasan seluas 1260 ekar dan kilang pertama dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2027.</p>
		2025	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyerahan bot dan enjin Baharu kepada nelayan yang berdaftar di bawah Pelan Pengurusan Kesan Sosial (SIMP). 2. Program pendidikan seperti subsidi tuisyen serta pembangunan kemahiran untuk nelayan berdaftar 3. Projek PSI & PTMP dilaksanakan mengikut jadual dan bajet. 4. Komunikasi strategik diperkukuh untuk meningkatkan kesedaran awam serta kecekapan kos dan prestasi kewangan dipertingkatkan secara berterusan dalam pelaksanaan projek fizikal.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2022	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perasmian Projek Kerja-Kerja Pengukuhan Dan Penambahbaikan Tembok Laut, Padang Kota Lama (13 Mei 2022) 2. <i>SDG Cities Silver Certification on World Cities Day</i>
		2023	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pra Pelancaran Dan Lawatan Tapak Projek Konservasi Dan Penyediaan Semula Parit Kubu (Moat) Di Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang. (14 Mac 2023) 2. Pecah Tanah Dan Lawatan Tapak Linear Garden Di Tembok Laut Padang Kota Lama (Esplanade), George Town, Pulau Pinang (15 Mei 2023) 3. Pecah Tanah Projek Konservasi Dan Penyediaan Semula Parit Kubu (Moat) Di Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang. (18 Jun 2023)
		2024	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Project Of the Year at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)-George Town Esplanade Project</i> 2. <i>Excellence Award for Landscape Design (Malaysia Project) in the Professional category at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)-George Town Esplanade Project</i> 3. <i>Conservation and Preservation Award at the 14th Malaysia Landscape Architecture Awards 2024 (MLAA14)- George Town Esplanade Project</i> 4. Sijil Kecemerlangan MCIEA 2024 - Anugerah Projek Terbaik (Infrastruktur-Kategori Kecil) bagi Kerja-Kerja Pengukuhan Dan Penambahbaikan Tembok Laut Padang Kota Lama, Esplanade, Pulau Pinang 5. Perasmian Projek Menaiktaraf Linear Garden, George Town, Pulau Pinang. <p>Pra-Pelancaran Projek Konservasi Dan Penyediaan Semula Parit Kubu (Moat) Bahagian Selatan Dan Program A Day At Fort Di Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang.</p>
		2025	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyiapan projek pemuliharaan tapak warisan iaitu Fort Cornwallis (Moat dan Muziologi) dan Astaka Kota Selera 2. Kerjasama strategik dengan <i>Think City</i> dan <i>Aga Khan Trust for Culture</i> diteruskan.

Bil.	Nama GLC	Tahun	Prestasi
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.		Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024
18.	Penang Management Corporation Sdn. Bhd.	Waste	Ditubuhkan pada 14 April 2025

**GERAN YANG DITERIMA OLEH GLC DARIPADA KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2022 HINGGA 30 SEPTEMBER 2025**

NO.	SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI (GLC)	TAHUN			
		2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)	2025 (RM) HINGGA 30 SEPTEMBER
SSI					
1.	Invest-in-Penang Berhad	1,750,000.00	1,750,000.00	1,500,000.00	400,000.00
CMI					
2.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	2,500,000.00	2,500,000.00	1,500,000.00	1,175,000.00
3.	Penang Science Cluster	801,887.00	1,264,781.00	400,000.00	200,000.00
4.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	2,187,259.00	2,453,509.04	1,300,000.00	1,130,000.00
5.	George Town World Heritage Incorporated	3,200,000.00	3,200,000.00	3,500,000.00	1,968,754.00
6.	Penang Tech Centre	850,000.00	850,000.00	850,000.00	637,500.00
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	1,012,500.00
8.	Penang FC Sdn. Bhd.	11,000,000.00	13,700,000.00	10,200,000.00	6,000,000.00
9.	Digital Penang Sdn. Bhd.	3,850,000.00	4,500,000.00	3,500,000.00	2,462,500.00
10.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	5,683,418.00	5,653,863.00	3,868,000.00	5,000,000.00
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	6,480,000.00	7,300,000.00	6,000,000.00	3,000,000.00
12.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	1,123,394.00	1,369,462.00	1,150,000.00	776,250.00
13.	Penang STEM Sdn. Bhd.	630,000.00	650,000.00	600,000.00	405,000.00
14.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	1,500,000.00	2,000,000.00	1,500,000.00	1,712,500.00
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	7,695,710.00	-	8,000,000.00	4,000,000.00
16.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCD)	-	-	850,000.00	382,500.00
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024			204,412.00
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025			

LAMPIRAN C

PERANAN GLC DI BAWAH CMI DAN SSI

BIL	NAMA SYARIKAT	PERANAN GLC
1.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd. (PGTSB)	Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran pelancongan bagi Negeri Pulau Pinang.
2.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	Sebagai pemangkin pelaksanaan inisiatif-inisiatif /agenda hijau bagi membantu Pulau Pinang maju ke arah negeri yang hijau dan mampan.
3.	PWDC Sdn. Bhd. (Penang Women's Development Corporation)	Mengintegrasikan perspektif gender ke dalam dasar, program, amalan dan mengukuhkan kepimpinan dan penyertaan dalam sfera politik serta meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi.
4.	PYDC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Youth Development Cooperation)	Mendidik, membangun dan memperkasakan belia ke arah pembangunan holistik.
5.	Digital Penang Sdn. Bhd. (DPSB)	Menerajui agenda transformasi digital Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan memanfaatkan teknologi dalam mengembangkan kelebihan komparatif dalam ekonomi digital.
6.	Penang Stem Sdn. Bhd. (PSSB)	Memberi pendedahan awal, memupuk minat pelajar serta menyediakan bengkel dan latihan untuk pelajar dalam bidang STEM dan TVET Teknikal.
7.	Penang Science Cluster (PSC)	Menyediakan pendidikan dan latihan dalam bidang sains, kejuruteraan, inovasi dan penyelidikan untuk melahirkan bakat di Pulau Pinang.

BIL	NAMA SYARIKAT	PERANAN GLC
8.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCDC)	Melaksanakan penambahbaikan reruang awam dan konservasi tapak warisan seperti di dalam rancangan kawasan khas tapak warisan dunia George Town. Pembangunan semula brownfield di pesisir laut di bahagian utara seperti Penang Bay.
9.	George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)	Sebagai <i>Special Purpose Vehicle</i> yang profesional dalam pengurusan dan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia (<i>World Heritage Site Manager</i>) UNESCO George Town.
10.	Penang Tech Centre (PTC)	Mewujudkan hab pembelajaran teknologi, pertukaran idea dan berfungsi sebagai pusat peningkatan keupayaan dalam bidang STEM.
11.	PICEB Sdn. Bhd. (Penang Convention & Exhibition Bureau)	Mengurus, mempromosi, memasarkan dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan lokasi pameran, persidangan dan konvensyen, kemudahan dan fasiliti, penganjuran, penasihat bagi semua jenis projek tempatan dan antarabangsa yang melibatkan acara perniagaan bagi badan korporat, syarikat, individu, jabatan kerajaan dan swasta.
12.	Penang Halal International Sdn. Bhd. (PHI)	Mempromosi dan membangunkan industri halal di Pulau Pinang serta membantu usahawan bagi mendapatkan pensijilan halal serta mempromosikan produk halal mereka ke pasaran halal global.
13.	Penang FC Sdn. Bhd. (PFCSB)	Menguruskan Penang FC (Kelab Bola Speak Pulau Pinang).
14.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB)	Menerajui pelaksanaan pelan induk pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dan pemantauan projek Silicon Island.
15.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Sebagai agensi pelaksana bagi mengurus tadbir hal-hal berkaitan hal ehwal bukan Islam dan sebagai penggerak utama kepada strategi-strategi atau dasar-dasar yang telah digubal di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam Kerajaan Negeri.

BIL	NAMA SYARIKAT	PERANAN GLC
16.	Invest-In-Penang Berhad	Menjana ekonomi Pulau Pinang termasuk merancang dan meningkatkan kemasukan pelaburan dari dalam atau luar negara dan menerokai peluang pelaburan baharu.
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Menyelaras program dan aktiviti yang berkaitan dengan agroteknologi dan keterjaminan makanan bagi menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri.
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Sebagai medium untuk menerima dana daripada Kerajaan Persekutuan dan menyalurkan semula dana tersebut kepada syarikat-syarikat kecil yang melaksanakan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Negeri Pulau Pinang.

**Prestasi dan kedudukan kewangan semasa GLC di bawah CMI dan SSI
dari Tahun 2020 hingga 30 September 2025**

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
SSI					
1.	Invest-In-Penang Bhd.	2020	RM1,000,000.00	RM1,000,000.00 (PDC)	RM2,720,000.00
		2021	RM1,800,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,340,000.00
		2022	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,310,000.00
		2023	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,890,000.00
		2024	RM1,000,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,560,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM400,000.00	RM3,000,000.00 (PDC)	RM2,270,000.00
CMI					
2.	George Town World Heritage Incorporated	2020	RM3,200,000.00	Tiada	RM3,310,101.00
		2021	RM3,200,000.00		RM3,086,888.00
		2022	RM3,200,000.00		RM3,098,650.00
		2023	RM3,200,000.00		RM2,974,607.00
		2024	RM2,750,000.00		RM2,514,394.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,968,754.00		RM1,836,110.75
3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	2020	RM500,000.00	RM201,070.00	RM1,580,953.00
		2021	RM1,500,000.00	RM168,139.00	RM1,700,000.00
		2022	RM1,500,000.00	RM493,269.00	RM1,849,927.00
		2023	RM2,000,000.00	RM633,062.00	RM2,071,308.00
		2024	RM1,500,000.00	RM836,783.00	RM2,088,092.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,712,500.00	RM515,700.00	RM1,776,064.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2020	RM964,591.00	Tiada	RM738,935.00
		2021	RM2,905,578.00	RM59,700.00	RM2,466,792.00
		2022	RM3,929,634.00	RM17,000.00	RM2,853,206.00
		2023	RM4,500,000.00	RM402,800.00	RM4,273,206.00
		2024	RM5,375,800.00	RM42,100.00	RM6,446,822.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM2,462,500	RM1,675,000.00	RM2,296,279.00
5.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2020	Tiada	Tiada	Tiada
		2021	Tiada	Tiada	Tiada
		2022	Tiada	Tiada	Tiada
		2023	Tiada	Tiada	Tiada
		2024	RM425,000.00	Tiada	RM31,194.55
		2025 (Sehingga 30 September)	RM382,500.00	Tiada	RM350,841.41
6.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	2020	RM5,135,350.00	Tiada	RM5,135,350.00
		2021	RM8,736,495.90		RM8,736,495.90
		2022	RM7,695,710.00		RM2,363,810.88
		2023	Tiada		RM3,208,968.51
		2024	RM4,000,000.00		RM4,390,442.80
		2025 (Sehingga 30 September)	RM4,000,000.00		RM3,271,703.74

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	2020	RM1,000,000.00	Tiada	RM863,223.00
		2021	RM1,000,000.00		RM810,116.00
		2022	RM1,500,000.00		RM2,035,775.00
		2023	RM1,500,000.00		RM1,618,779.00
		2024	RM1,500,000.00		RM1,369,267.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,350,000.00		RM945,501.00
8.	Penang Tech Centre	2020	RM650,000.00	RM854,679.03	RM2,422,734.64
		2021	RM752,000.00	RM1,510,055.67	RM1,882,285.54
		2022	RM850,000.00	RM2,235,579.41	RM3,007,689.99
		2023	RM850,000.00	RM3,239,343.28	RM4,037,180.93
		2024	RM850,000.00	RM2,555,380.07	RM3,379,163.20
		2025 (Sehingga 30 September)	RM637,500.00	RM2,497,047.34	RM2,757,034.55
9.	Penang Science Cluster	2020	RM3,300,000.00	RM4,774,213.00	RM6,915,820.00
		2021	RM356,898.00	RM4,278,745.00	RM3,673,797.00
		2022	RM801,887.00	RM3,291,838.00	RM3,599,497.00
		2023	RM1,264,781.00	RM4,568,885.00	RM6,153,050.00
		2024	RM400,000.00	RM4,734,142.00	RM5,012,726.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM200,000.00	RM3,397,308.00	RM3,269,232.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
10.	Penang STEM Sdn. Bhd.	2020 2021 2022 2023 2024 2025 (Sehingga 30 September)	RM560,000.00 RM410,000.00 RM630,000.00 RM650,000.00 RM600,000.00 RM405,000.00	RM236,163.00 RM155,862.00 RM219,290.00 RM712,387.00 RM468,905.00 RM509,408.00	RM711,318.00 RM662,161.00 RM753,554.00 RM1,221,648.00 RM1,010,352.00 RM990,081.00
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	2020 2021 2022 2023 2024 2025 (Sehingga 30 September)	RM7,050,000.00 RM5,530,000.00 RM6,480,000.00 RM7,300,000.00 RM4,947,720.00 RM3,000,000.00	RM9,229,041.00 RM6,208,105.00 RM9,561,262.00 RM11,179,112.00 RM6,490,836.00 RM5,181,501.00	RM7,965,798.00 RM9,242,783.00 RM8,562,243.00 RM6,402,229.00 RM5,463,596.00 RM 3,950,999.00
12.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	2020 2021 2022 2023 2024 2025 (Sehingga 30 September)	RM6,141,156.00 RM4,231,087.00 RM5,683,418.00 RM5,737,863.00 RM7,538,552.00 RM5,170,200.00	RM54,826.00 RM14,900.00 RM53,297.00 RM33,727.00 RM14,000.00 Tiada	RM3,634,726.00 RM3,061,654.00 RM5,963,699.00 RM7,282,635.00 RM7,752,989.00 RM5,118,412.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
13.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	2020	RM820,000.00	RM65,546.00	RM823,355.00
		2021	RM1,000,000.00	RM78,574.00	RM1,401,229.00
		2022	RM2,187,159.00	RM259,110.00	RM1,062,746.00
		2023	RM2,528,159.00	RM259,110.00	RM2,776,268.00
		2024	RM700,000.00	RM305,852.00	RM904,987.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,130,000.00	RM67,980.00	RM968,730.00
14.	Penang FC Sdn. Bhd.	2021	RM8,855,062.00	RM2,900,836.00	RM12,173,634.00
		2022	RM12,500,000.00	RM3,523,848.00	RM15,183,966.00
		2023	RM12,200,000.00	RM3,292,899.00	RM15,460,392.00
		2024	RM10,200,000.00	RM1,674,600.00	RM11,411,209.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM6,000,000.00	RM933,449.00	RM6,902,440.00
		2020	RM1,500,000	RM418,620	RM1,196,755
15.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	2021	RM2,500,000	RM387,556	RM2,141,679
		2022	RM2,500,000	RM524,330	RM3,062,478
		2023	RM2,500,000	RM877,939	RM3,597,745
		2024	RM1,500,000	RM608,437	RM2,399,161
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,175,000	RM448,221	RM1,776,502

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
16.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	2021	RM350,576.00	RM4,035.00	RM357,724.00
		2022	RM1,218,284.00	RM28,382.00	RM1,246,828.00
		2023	RM1,266,859.00	RM30,383.00	RM1,285,276.00
		2024	RM1,230,363.00	RM120,507.00	RM1,265,538.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM776,250.00	RM131,562.50	RM858,841.65
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	2025 (Sehingga 30 September)	Belum terima	-	-
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025			

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

12. Bilakah Projek Ideal Venice di bawah KADUN Seri Delima dijangka siap sepenuhnya dan memperoleh Sijil Siap dan Pematuhan (CCC)?
- (a) Nyatakan jumlah unit rumah mampu milik dan unit pasaran terbuka (open market) dalam projek ini.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Projek Ideal Venice Residency yang terletak di bawah Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima merupakan projek yang dibangunkan oleh Syarikat Ideal Capital Venture Sdn. Bhd. yang terdiri daripada 1,632 unit rumah mampu milik (RMM) (kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu - RMKu) Jenis C3 berkeluasan sebanyak 850 kaki persegi (kp). Mengikut jadual perancangan asal, projek ini dijadualkan siap sepenuhnya pada penghujung sukuan pertama tahun 2026. Walau bagaimanapun, berdasarkan prestasi semasa dan kemajuan kerja lebih awal dari jadual, **projek ini dijangka siap sepenuhnya dan akan memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada bulan Disember 2025.**
- (a) Jumlah keseluruhan unit yang akan disediakan melalui projek ini adalah sebanyak **1,632 unit RMKu C3** yang berkeluasan sebanyak 850 kp. Projek ini telah mendapat kelulusan sebanyak 50% dari keseluruhan unit (**816 unit**) yang boleh dijual kepada **pasaran terbuka**. Manakala, baki 50% unit tersebut akan dijual mengikut senarai nama

yang berdaftar dan layak melalui Sistem Maklumat Perumahan (SMP) yang dikawal selia oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

13. Nyatakan statistik tangkapan kes dadah di Pulau Pinang bagi tempoh 2023 hingga 2025 oleh PDRM dan AADK.
- (a) Nyatakan bilangan tangkapan yang melibatkan remaja.
 - (b) Adakah Taman Tun Sardon dikenal pasti sebagai kawasan *hotspot* aktiviti dadah?
 - (c) Apakah pandangan serta tindakan PDRM dalam membanteras kegiatan ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Statistik tangkapan oleh PDRM di Pulau Pinang bagi tahun 2023 hingga 2025 seperti berikut:

TANGKAPAN/TAHUN	2023	2024	2025
Bekalan	2,545	2,671	2,253
Memiliki	6,947	7,426	6,241
Urin	4,446	12,398	9,870
JUMLAH	13,938	22,495	18,364

Penerangan Sek.:

*Bekalan : (Sek. 39B),(Sek. 39A2),(Sek. 39A1),(Sek.6B)

*Memiliki: (Sek.12(2)),(Sek 6ADB),(AR 1952),(Sek.10)

*Urin: (Sek.15(1) ADB)

Manakala jumlah tangkapan yang dirujuk kepada AADK di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983

dalam Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023 adalah sebanyak 1376 orang, tahun 2024 sebanyak 1454 orang dan pada tahun 2025 adalah sebanyak 1195 orang (setakat September 2025).

- (a) Tangkapan melibatkan remaja oleh PDRM adalah seperti berikut:

Seksyen Kesalahan / TAHUN		2023		2024		2025	
Akta	Seksyen	L	P	L	P	L	P
ADB 1952	12	73	17	74	12	44	12
ADB 1952	15	61	21	87	22	48	13
ADB 1952	39A	8	1	12	4	5	3
ADB 1952	39B	5	1	7	2	4	1
ADB 1952	6	17	0	1	0	5	0
ADB(LLPK)	6	0	0	0	0	0	0
AKTA RACUN 1952	30	38	0	21	0	13	1
JUMLAH KESELURUHAN		202	40	22	40	119	30

Manakala kes yang dirujuk kepada AADK melibatkan remaja di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 di Pulau Pinang pada tahun 2023 sebanyak 27 orang, tahun 2024 sebanyak 31 orang dan tahun 2025 sebanyak 27 orang (setakat September 2025)

- (b) Dibawah AADK Taman Tun Sardon bukan kawasan *hotspot* aktiviti penyalahgunaan dadah. Jumlah penyalahguna dadah yang sedang mengikuti Rawatan dan Pemulihan dalam komuniti bersama pihak AADK Timur Laut, Pulau Pinang adalah seramai 23 orang. MPKK, Qariah dan Pihak ADUN di kawasan tersebut juga aktif dan sering bekerjasama dengan pihak AADK dalam mengadakan program pencegahan dadah seperti ceramah dan pameran Antidadah.

Namun begitu beberapa tindakan telah diambil oleh pihak PDRM diantaranya adalah seperti berikut:

- (i) Operasi Tapis dilaksanakan secara berkala dimana operasi dijalankan disekitar Taman Tun Sardon dan sekitar Pulau Pinang.

- (ii) Ops Tapis Khas dilaksanakan Secara tersusun dan pemantauan serta tangkapan akan dilakukan secara bersasar.
- (c) Pandangan PDRM terhadap kegiatan dadah :

- (i) Ancaman besar terhadap keselamatan negara.

PDRM melihat kegiatan dadah bukan sekadar masalah sosial, tetapi juga ancaman terhadap keselamatan dan kestabilan negara kerana ia sering berkait dengan jenayah lain seperti kecurian, pergaduhan dan pembunuhan.

- (ii) Punca kepada keruntuhan institusi keluarga dan masyarakat.

Penyalahgunaan dadah menjejaskan kesejahteraan keluarga serta pembangunan modal insan, terutamanya dalam kalangan belia.

- (iii) Cabaran utama dalam penguatkuasaan undang-undang

PDRM menganggap pengedaran dadah sebagai satu bentuk jenayah terancang yang melibatkan sindiket antarabangsa dan memerlukan pendekatan strategik serta kerjasama pelbagai agensi.

Tindakan PDRM dalam membanteras kegiatan dadah

- (i) Operasi dan risikan berterusan
Melaksanakan operasi khas seperti Ops Tapis bagi memburu pengedar serta pengilang dadah.
Menggiatkan aktiviti risikan terhadap sindiket antarabangsa yang menggunakan Malaysia sebagai transit.

- (ii) Kerjasama dengan agensi lain
Bekerjasama rapat dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, dan Maritim Malaysia untuk memantau penyeludupan dadah di sempadan.
- (iii) Tindakan pencegahan komuniti
Menjalankan program kesedaran awam, ceramah dan kempen di sekolah, IPT dan komuniti melalui Program *Community Policing* dan Rakan Cop.
- (iv) Penggunaan teknologi dan data risikan
Memanfaatkan sistem pangkalan data dan teknologi pengawasan (seperti kamera litar tertutup dan analisis forensik digital) bagi mengenal pasti jaringan sindiket.
- (v) Pendekatan pemulihan
Menyokong usaha pemulihan penagih melalui kerjasama dengan pusat rawatan AADK agar bekas penagih dapat kembali ke masyarakat dan tidak mengulangi kesalahan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

14. Bilakah *flyover* IJM dari arah Bayan Lepas ke The Light City dijangka dibuka sepenuhnya?
- (a) Apakah status laluan basikal di kawasan tersebut?
 - (b) Apakah langkah keselamatan serta penyelenggaraan yang dirancang bagi memastikan laluan ini kekal selamat digunakan pada waktu malam dan ketika hujan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kerja-kerja pembinaan *flyover* IJM dari arah Bayan Lepas ke The Light City telah dimulakan pada 06 Mei 2024 dan siap sepenuhnya pada 14 Ogos 2025. Pada masa ini, pihak IJM Land Berhad sedang menunggu kelulusan Sijil Kesiapan Pembinaan Lebuhraya (SKP) daripada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Setelah semua proses kelulusan SKP diperolehi daripada pihak LLM, *flyover* tersebut dijangka dapat dibuka sepenuhnya kepada pengguna jalan raya pada penghujung bulan November 2025.
- (a) Status laluan basikal baharu sepanjang 1.5 kilometer di kawasan pesisiran pantai (*promenade*) dijangka akan dibuka kepada orang awam pada pertengahan bulan Disember 2025 selepas kerja-kerja pembinaan di tapak *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC) siap sepenuhnya. Dalam pada itu, pihak IJM Land Berhad telah menyediakan laluan basikal sementara berhampiran tapak

projek The Light IJM bagi kegunaan orang awam sehingga bulan Disember 2025.

- (b) Langkah keselamatan dan penyelenggaraan yang dirancang bagi memastikan laluan ini kekal selamat digunakan pada waktu malam dan ketika hujan adalah seperti berikut:
- 1) Pihak MBPP telah memasang sebanyak 195 unit tiang lampu solar di sepanjang laluan basikal khas *dedicated bicycle lane* di seluruh kawasan MBPP termasuk laluan basikal berhampiran The Light City iaitu sebanyak 16 unit pada tahun 2019 untuk memastikan keselamatan penunggang pada waktu malam;
 - 2) Pihak MBPP juga akan memastikan penyelenggaraan lampu jalan sedia ada di laluan basikal di kawasan The Light City ini diselenggara bagi tujuan pencahayaan pada waktu malam; dan
 - 3) Pihak IJM Land Berhad telah memasang dan menyelenggara papan tanda keselamatan dan papan tanda dengan logo basikal untuk memastikan keselamatan penunggang basikal pada waktu malam di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

15. Apakah perancangan terkini penempatan semula peniaga di Astaka Akuarium susulan Projek LRT Mutiara?
- (a) Adakah tapak baharu atau astaka gantian disediakan? Nyatakan di mana.
 - (b) Adakah sebarang bentuk pampasan atau bantuan ex gratia diberikan kepada peniaga yang terjejas?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Perancangan terkini penempatan semula peniaga di Astaka Akuarium masih dalam perbincangan antara Kerajaan Negeri dan pihak MRT Mutiara (MRTM). Selain itu, Astaka Akuarium terletak di atas tanah milik yang telah diwartakan di bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG). Buat masa ini, tanah-tanah yang diwarta di bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah sedang dalam proses siasatan di bawah seksyen 12 Akta Pengambilan Tanah.
- (a) Melalui surat bertarikh 16 Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah memaklumkan kepada pihak Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) mengenai hasrat agar Kompleks Astaka Gelugor yang terlibat dapat dibina semula oleh pihak MRT Corp di atas Lot 6080 dan Lot 6081, Mukim 13, Daerah Timur Laut sebagai tapak gantian kepada kompleks asal.

Cadangan pembinaan semula kompleks astaka di tapak berhadapan Jalan Akuarium ini telah dibincangkan dalam mesyuarat penyelarasan bersama agensi-agensi berkaitan. Namun begitu, tanah di Jalan Akuarium tersebut merupakan tanah yang berstatus Persekutuan di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan, iaitu tanah yang digunakan bagi tujuan atau maksud Kerajaan Persekutuan tetapi diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, pelaksanaan pembinaan di tapak tersebut memerlukan kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan.

Setakat ini, perkara ini masih dalam peringkat perbincangan dan masih belum dimuktamadkan. Kerajaan Negeri masih menunggu maklum balas rasmi daripada pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) dan MRT Corp berhubung pelaksanaan cadangan pembinaan semula tersebut.

- (b) Pampasan bagi maksud pengambilan tanah adalah berdasarkan prinsip-prinsip dalam Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960 setelah dimuktamadkan oleh Pentadbir Tanah dalam proses siasatan di bawah seksyen 12. Justeru, peniaga-peniaga yang berada di atas tanah kerajaan di sekitar kawasan yang terlibat dengan jajaran Projek LRT Laluan Mutiara, Kerajaan Negeri akan melaksanakan sesi siasatan (*hearing*) bagi mengenal pasti status dan latar belakang setiap peniaga yang terlibat.

Sesi siasatan yang pertama dijadualkan bermula pada bulan November 2025 dan hasil siasatan ini akan digunakan sebagai asas pertimbangan Kerajaan Negeri dalam menentukan bentuk bantuan, pampasan *ex-gratia* atau penempatan semula yang sesuai bagi peniaga-peniaga yang terjejas.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

16. Apakah status semasa Projek LRT Pulau Pinang termasuk kerja-kerja yang sedang dijalankan?
- (a) Adakah dijangka berlakunya kesesakan lalu lintas sepanjang tempoh pembinaan?
 - (b) Apakah langkah mitigasi yang dirancang bagi mengurangkan kesan terhadap pengguna jalan raya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Setakat ini, pihak MRT Corporation (MRTC) memaklumkan bahawa di bawah pakej Kontrak Sivil Utama 1 (CMC 1) Projek Penang LRT Laluan Mutiara, beberapa aktiviti awal telah dimulakan di tapak. Kerja-kerja pelebaran jalan telah dimulakan terlebih dahulu, diikuti dengan kerja-kerja penyiasatan tanah (soil investigation) di sepanjang pembahagi jalan (road median). Pada masa yang sama, kerja-kerja pemindahan utiliti dan penebangan pokok juga sedang dijalankan di beberapa kawasan.

Selain itu, kerja-kerja cerucuk telah dimulakan di beberapa lokasi utama termasuk Macallum, Bandar Sri Pinang, East Jelutong dan Kampung Baruh. Seterusnya, kerja-kerja cerucuk di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Sungai Tiram dijadualkan untuk dimulakan pada November 2025.

- (a) Sememangnya dijangka berlaku kesesakan atau gangguan lalu lintas dalam tempoh pembinaan yang akan melibatkan pelencongan jalan raya, sekatan separa lorong dan kerja-kerja berat di koridor trafik tinggi.

Sepanjang tempoh pembinaan, Pelan Pengurusan Trafik (Traffic Management Plan (TMP)) telah dirangka oleh pihak MRT Corporation (MRTC) bagi memastikan kelancaran aliran kenderaan di sepanjang rancangan jajaran LRT serta untuk membolehkan kerja-kerja dijalankan dengan selamat dan terkawal.

Perubahan seperti pengurangan lorong dan lencongan sementara dijangka boleh menyebabkan sedikit kesesakan di kawasan tertentu, khususnya semasa waktu puncak. Walau bagaimanapun, aliran trafik utama masih akan dikekalkan agar jalan raya terus boleh digunakan oleh orang awam.

Pelaksanaan TMP tersebut juga akan melibatkan pengurangan lorong (lane reduction) dan lencongan laluan di jalan-jalan utama yang terlibat dalam aktiviti pembinaan jajaran bertingkat (viaduct) dan stesen seperti Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Tengah dan Jalan Magazine.

- (b) MRTC telah disyaratkan melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menyediakan Pelan Pengurusan Lalu Lintas (PPL) bagi setiap lokasi stesen bermula dari George Town hingga ke Permatang Damar Laut supaya langkah mitigasi dapat dianalisis dan dilaksanakan dengan lebih terperinci. Langkah-langkah mitigasi utama yang akan dilaksanakan oleh pihak MRTC termasuklah:
- (i) Mengeluarkan lampu isyarat di persimpangan Jalan Tengah / Jalan Sultan Azlan Shah dan menjadikan persimpangan tersebut sebagai belokan kiri sahaja (left in, left out);
 - (ii) Menaik taraf pusingan U di Jalan Mahsuri;

- (iii) Menyediakan satu pusingan U baharu di Jalan Sultan Azlan Shah iaitu sebelum persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Mayang Pasir;
- (iv) Membuka satu laluan baharu di jalan khidmat Jalan Sultan Azlan Shah, dari jalan bund menuju ke FIZ 4;
- (v) Melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di Jalan Sultan Azlan Shah (sekitar kawasan FIZ) bagi mengekalkan enam (6) lorong lalu lintas dua hala;
- (vi) Beberapa persimpangan lampu isyarat juga akan disusun semula (reconfigured) oleh pihak MRTC bagi memperbaiki aliran kenderaan;
- (vii) Laluan bebas henti (free-flow traffic) akan diperkenalkan di beberapa persimpangan utama serta pusingan U bebas henti (free-flow U-turn);
- (viii) Menggalakkan penggunaan perkhidmatan Bas *Central Area Transit* (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town serta perkhidmatan Bas *Congestion Alleviation Transport Bridge* (CAT Bridge) dan mana-mana perkhidmatan bas yang dioperasikan oleh Rapid Penang menggunakan Pas Mutiara yang disediakan secara percuma bagi mengurangkan kenderaan persendirian serta mengurangkan kesesakan di atas jalan raya;
- (ix) Mengalakkan penjawat awam yang berkhidmat di Komtar menggunakan Perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) KOMTAR yang akan membantu dalam mengurangkan kesesakan pada waktu puncak;
- (x) Menggalakkan penggunaan perkhidmatan *Rapid On-Demand* (ROD) sebagai kesalinghubungan (connectivity) yang amat penting bagi membolehkan orang awam atau pengguna bas menyambung perjalanan mereka dengan rangkaian bas Rapid. Di samping ini, perkhidmatan ROD ini disediakan bertujuan bagi memenuhi permintaan

pengangkutan awam di kawasan dengan kepadatan yang tinggi yang masih belum mempunyai akses kepada pengangkutan bas Rapid dalam jarak radius 3km;

- (xi) Mengalakkan penggunaan basikal melalui penyediaan laluan basikal baru;
- (xii) Meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan berkerjasama dengan pihak polis untuk mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan pada waktu-waktu kesesakan teruk; dan
- (xiii) Pihak industri di FIZ juga telah dinasihatkan untuk merancang langkah mitigasi seperti waktu bekerja fleksibel atau '*staggered working hours*', '*car-pooling*' dan perancangan perjalanan bagi mengurangkan impak kepada pekerja. Sementara itu, pekerja di kawasan FIZ dan sekitar juga disaran untuk menggunakan perkhidmatan bas awam untuk mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan terbabit sepanjang kerja-kerja pembinaan dijalankan.

Langkah-langkah ini bertujuan untuk meminimumkan impak terhadap trafik sedia ada, memastikan pergerakan kenderaan kekal lancar, dan meningkatkan kecekapan aliran trafik di kawasan-kawasan utama sepanjang tempoh pembinaan LRT Laluan Mutiara.

Pihak MRTC juga akan menyediakan laluan alternatif dan pengalihan trafik yang akan diurus sebagai sebahagian daripada pelan pengurusan trafik (TMP) yang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 14 Oktober 2025 serta TMP ini juga akan disemak semula dan ditambah baik secara bulanan bagi perancangan masa depan. Maklumat lebih terperinci boleh didapati menerusi laman media sosial LRT Laluan Mutiara dan laman web rasmi MRTC.

Sementara pihak pemaju dan kontraktor akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminimumkan kesan projek terhadap keadaan trafik dari semasa ke semasa, pengguna jalan raya dinasihatkan dari semasa ke semasa untuk merujuk kepada laman web projek Laluan Mutiara dan media sosial LRT Mutiara Pulau Pinang untuk maklumat TMP dan pengumuman trafik terkini serta menyemak aplikasi navigasi seperti Waze untuk mendapatkan maklumat trafik masa nyata (real-time) bagi merancang perjalanan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

17. Apakah fungsi semasa Tangki Takungan Air Konkrit di kawasan Island Glades (Changkat Delima)?
- (a) Adakah tangki tersebut masih digunakan buat sementara waktu?
 - (b) Adakah PBA mempunyai perancangan untuk memulih atau memanfaatkan semula kemudahan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Fungsi tangki air konkrit di kawasan Island Glades (Changkat Delima) pada asalnya dibina sebagai kolam takungan pengimbang (*balancing reservoir*). Walau bagaimanapun, pada masa ini tangki-tangki tersebut tidak lagi beroperasi dan tidak digunakan.
- (a) Kedua-dua tangki air konkrit tersebut tidak lagi digunakan pada masa ini kerana sistem pengepaman terus dari Rumah Pam Desa Mutiara 1 sudah memadai untuk mengimbangi tekanan air dalam sistem retikulasi di kawasan berkenaan, sekali gus memastikan bekalan air kepada pengguna tidak terjejas.
 - (b) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak mempunyai perancangan khusus untuk memulih atau memanfaatkan semula kemudahan tersebut dalam masa terdekat. Namun demikian, tangki-tangki berkenaan akan

diaktifkan semula sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan bagi menampung permintaan atau mengimbangi tekanan dalam sistem bekalan air di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

18. Huraikan statistik dan trend kes keganasan di atas talian (online harassment) yang dilaporkan di Pulau Pinang sejak tahun 2023 hingga kini termasuk bentuk utama seperti buli siber, gangguan seksual digital dan penipuan dalam talian yang menjejaskan keselamatan serta kesejahteraan rakyat.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Statistik kes keganasan di atas talian yang dilaporkan di Pulau Pinang sejak dari tahun 2023 hingga Oktober 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN**.

Jumlah kes keganasan di atas talian yang dilaporkan menunjukkan peningkatan ketara dalam tempoh tiga (3) tahun menunjukkan trend kenaikan yang berterusan.

Beberapa faktor yang mempengaruhi trend peningkatan kes keganasan di atas talian (*online harassment*) kemungkinan disebabkan oleh:

- (a) Peningkatan penggunaan media sosial yang memainkan peranan besar dalam peningkatan kes ini. Lebih ramai rakyat bergantung kepada platform digital untuk urusan kerja, sosial dan perniagaan, ruang interaksi dalam talian semakin luas dan terbuka kepada risiko seperti penipuan siber, gangguan seksual digital, serta buli siber. Dalam konteks ini, penipuan dalam talian menjadi bentuk keganasan paling ketara kerana ramai pengguna,

terutamanya warga emas dan golongan berpendapatan sederhana, masih kurang celik terhadap taktik penipuan digital yang semakin canggih.

- (b) Peningkatan kes juga kemungkinan berpunca daripada kurangnya kesedaran tentang keselamatan digital dan perlindungan data peribadi. Ramai pengguna masih belum berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi, menggunakan kata laluan lemah, atau mempercayai mesej dan pautan yang tidak sah. Situasi ini dimanipulasi oleh penjenayah siber yang semakin kreatif dalam memperdaya mangsa melalui mesej palsu, panggilan telefon dan laman web tiruan.
- (c) Kemajuan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) turut menyumbang kepada peningkatan risiko penipuan digital. Penjenayah kini mampu menggunakan teknik penyamaran (*impersonation*), manipulasi imej dan suara (*deepfake*), serta mesej automatik yang meyakinkan untuk memperdaya mangsa. Hal ini menjadikan pengesanan dan penguatkuasaan undang-undang lebih mencabar.
- (d) Selain itu, peningkatan kesedaran dan pelaporan masyarakat juga mungkin menjadi salah satu sebab peningkatan angka, terutamanya bagi kes berbentuk gangguan verbal, emosi dan siber. Melalui program kesedaran yang dijalankan seperti kempen *Penang Goes Orange* dan latihan *First Support Point* di bawah Dasar Keluarga Selamat, semakin ramai individu berani tampil membuat laporan apabila menghadapi gangguan digital, berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya di mana isu seperti buli siber atau gangguan emosi dianggap remeh atau tidak dilaporkan.
- (e) Tekanan sosial dan ekonomi pasca pandemik turut menjadi faktor tidak langsung yang mendorong peningkatan kes. Ramai individu menghadapi tekanan hidup, kehilangan pekerjaan dan ketidaktentuan ekonomi, yang mendorong sebahagian pihak mengambil kesempatan melalui aktiviti jenayah siber atau melampiaskan kemarahan melalui saluran digital.

Secara keseluruhannya, trend peningkatan kes keganasan di atas talian ini mencerminkan kesan sampingan dunia digital yang semakin maju tetapi kurang dikawal. Ia menuntut tindakan menyeluruh daripada kerajaan, agensi penguatkuasaan, dan masyarakat untuk meningkatkan literasi digital, memperkukuh keselamatan siber serta membina budaya dalam talian yang lebih selamat dan beretika.

STATISTIK DAN TREND KES KEGANASAN DI ATAS TALIAN (ONLINE HARASSMENT) YANG DILAPORKAN DI PULAU PINANG SEJAK TAHUN 2023 HINGGA KINI TERMASUK BENTUK UTAMA SEPERTI BULI SIBER, GANGGUAN SEKSUAL DIGITAL DAN PENIPUAN DALAM TALIAN YANG MENJEJASKAN KESELAMATAN SERTA KESEJAHTERAAN RAKYAT

TAHUN	2023	2024	2025	JUMLAH
FIZIKAL	23	30	31	84
VERBAL (LISAN)	0	0	4	4
PSIKOLOGI / EMOSI	0	2	3	5
SIBER (CYBERBULLYING)	0	0	1	1
AKADEMIK	0	0	0	0
PENIPUAN DALAM TALIAN	1,932	1,456	2,900	6,288
JUMLAH	1,955	1,488	2,939	6,382

*Statistik disediakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

19. Nyatakan lokasi dan jumlah AED dipasang oleh MBPP di seluruh Pulau Pinang.
- (a) Adakah terdapat perancangan menambah AED di bawah KADUN Seri Delima?
 - (b) Mengapakah AED di Taman Kejiranan Karpal Singh belum direkod dalam sistem Pearl App?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Senarai lokasi dan jumlah *Automated External Defibrillator* (AED) yang telah dipasang oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pihak MBPP telah memasang AED di empat (4) buah lokasi di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima seperti berikut:
 - (i) Balai Rakyat Taman Tun Sardon;
 - (ii) Pusat Panggilan Nama Kontena Jalan Bunga Raya;
 - (iii) Lorong 11, Taman Kejiranan Karpal Singh; dan
 - (iv) Tanah Lapang Japanese Garden.

Pihak MBPP buat masa ini tiada perancangan untuk menambah AED di KADUN Seri Delima. Namun, MBPP

akan meneliti keperluan pemasangan AED dari semasa ke semasa.

- (b) Pihak MBPP sedang melaksanakan kerja-kerja menaik taraf rak AED bagi memudahkan orang awam menggunakannya ketika kecemasan. Maklumat terkini lokasi dan gambar AED termasuk AED di Taman Kejiranan Karpal Singh akan dikemas kini dalam aplikasi *Pearl* selepas kerja menaik taraf selesai dilaksanakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

20. Permohonan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Seri Delima telah dihantar namun belum menerima maklum balas. Apakah status permohonan dan adakah pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dapat membantu memudahkan serta menyelaraskan kelulusan permohonan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang telah menerima cadangan permohonan daripada individu untuk penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Seri Delima pada 24 Januari 2025 yang lalu. Namun, semasa memproses permohonan tersebut, pihak JPBM telah mengenal pasti beberapa isu seperti berikut:

(i) Lokasi Cadangan Penubuhan

Pihak JBPM Negeri Pulau Pinang mendapati bahawa lokasi yang dicadangkan bagi penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Seri Delima terletak kurang dari 10 kilometer dari tiga (3) balai sedia ada yang berhampiran, iaitu Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jalan Perak, BBP Paya Terubong, dan BBP Bayan Baru. Berdasarkan jarak tersebut, masa tindak balas (*response time*) bagi ketiga-tiga balai berkenaan masih berada dalam julat yang boleh dikawal serta mampu menampung keperluan operasi semasa.

(ii) Aduan Penyalahgunaan Pili Bomba

Pihak JBPM Negeri Pulau Pinang telah menerima satu (1) aduan awam berhubung penyalahgunaan pili bomba bagi tujuan pembersihan tokong yang didakwa melibatkan beberapa individu daripada ahli kumpulan dalam kalangan pihak pemohon tersebut. Hasil siasatan yang dijalankan mendapati bahawa aduan tersebut adalah berasas dan tindakan berkenaan menyalahi tatacara penggunaan aset kebombaian yang telah ditetapkan oleh pihak JBPM Negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, atas prinsip ketelusan dan integriti perkhidmatan awam, pihak JBPM Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah menangguhkan sementara proseskelulusan permohonan berkaitan bagi memastikan isu ini dapat ditangani dan diselesaikan sepenuhnya mengikut peraturan sedia ada.

(iii) Pertindihan Nama Ahli Pasukan Yang Akan Ditubuhkan Dengan Pasukan Sedia Ada

Pihak JBPM Negeri Pulau Pinang turut mendapati bahawa berlakunya pertindihan keanggotaan antara beberapa individu dalam kumpulan pemohon dengan PBS Juru yang masih aktif. Menurut Garis Panduan Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela JBPM Tahun 2011, individu yang sedang berkhidmat dengan mana-mana pasukan bomba sukarela lain adalah tidak dibenarkan untuk menyertai atau menjadi ahli kepada pasukan baharu. Ketetapan ini bertujuan untuk mengelakkan pertindihan tanggungjawab, konflik komitmen dan kekeliruan dalam arahan operasi di lapangan.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan permohonan tersebut diproses, pihak JBPM telah mengambil pendekatan proaktif dengan mengadakan satu sesi libat urus rasmi bersama pihak pemohon. Dalam sesi tersebut, pihak JBPM telah memberikan teguran dan penjelasan bahawa sebarang aktiviti atau tugas berkaitan kebombaian tidak boleh dilaksanakan sebelum kelulusan rasmi diperolehi daripada pihak Ibu Pejabat JBPM. Pihak pemohon juga telah berjanji untuk mematuhi arahan

tersebut dan seterusnya telah mengemukakan senarai nama ahli baharu yang tidak bertindih dengan ahli daripada pasukan aktif lain.

Pada ketika ini, permohonan tersebut telah dihantar ke Ibu Pejabat JBPM di Putrajaya untuk pertimbangan dan kelulusan.

Secara prinsipnya, JBPM Negeri Pulau Pinang bersetuju dengan penubuhan ini setelah mengambil kira faktor *response time* ketika waktu puncak. Pihak JBPM juga mendapati kawasan Seri Delima merupakan laluan utama yang sering mengalami bahawa kesesakan lalu lintas yang serius, terutamanya pada waktu puncak pagi dan petang. Keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan pasukan bomba untuk memberi tindak balas segera terhadap sebarang insiden kecemasan. Sehubungan itu, penubuhan PBS di kawasan berkenaan dilihat mampu berperanan sebagai pasukan sokongan awal (*first responder*) yang dapat membantu pihak JBPM Negeri Pulau Pinang dalam mempercepat tindakan kecemasan dan mengurangkan risiko kelewatan tindak balas. Keputusan bagi permohonan ini dijangka akan diterima pada hujung tahun ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

21. Status terkini Astaka Taman Tun Sardon.
- (a) Apakah status semasa projek penaiktarafan Astaka Taman Tun Sardon?
 - (b) Adakah prestasi kerja di tapak berada pada tahap memuaskan dan mengikut jadual yang ditetapkan?
 - (c) Bilakah projek ini dijangka siap sepenuhnya serta diserahkan untuk kegunaan awam?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. (a) Status terkini projek penaiktarafan Astaka Taman Tun Sardon berada di peringkat proses pembinaan struktur bangunan. Setakat 31 Oktober 2025, projek ini telah mencapai kemajuan sebanyak 15%.
- (b) Prestasi atau kemajuan semasa projek ini telah mengalami kelewatan sebanyak 25% dari tahap kemajuan mengikut jadual sebenar iaitu sebanyak 40%. Kelewatan ini berpunca daripada beberapa isu di tapak iaitu kelewatan pemindahan peniaga ke astaka sementara serta berlaku pindaan terhadap reka bentuk struktur astaka kerana keluasan tapak sedia ada yang sangat terhad.

- (c) Berdasarkan tempoh kontrak yang telah ditetapkan, jangkaan awal projek ini disiapkan adalah pada 31 Mei 2026. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pelaksanaan bagi projek ini akan mengalami kelewatan dari jadual asal yang ditetapkan dan dijangka akan disiapkan melebihi tempoh masa kontrak tersebut. Justeru itu, pihak kontraktor projek kini sedang dalam proses mengemukakan permohonan lanjutan masa (extension of time - EOT) bagi mendapatkan pertimbangan sewajarnya daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menyiapkan pembinaan astaka ini sebelum dibuka untuk kegunaan orang awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

22. Apakah inisiatif pembangunan sahsiah belia yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?
- (a) Apakah langkah memperluas kegiatan riadah dan kokurikulum bagi mengurangkan ketagihan media sosial?
- (b) Berapakah statistik kes buli dan jenayah seksual di sekolah-sekolah Pulau Pinang sepanjang tahun ini berbanding dengan tahun sebelumnya?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan sahsiah bagi golongan belia terutamanya untuk menggalakkan penyertaan sosial golongan belia dan memanfaatkan masa lapang. Antaranya termasuk program Sukarelawan Belia Pulau Pinang melibatkan belia dalam pelbagai aktiviti komuniti peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri dan komuniti seperti *ASEAN Senior Economic Official Meeting*, *Festival Penang2030*, Misi Bantuan Pengagihan Air Sempena Gangguan Bekalan Air, Hari Cuci Malaysia dan sebagainya. Sehingga Oktober 2025, Kerajaan Negeri melalui PYDC telah berjaya menarik seramai 8,367 orang belia agar berdaftar sebagai Sukarelawan Belia.

Selain itu, 169 program melibatkan 22,845 orang belia telah berjaya dilaksanakan oleh Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) merangkumi aktiviti-aktiviti seperti bengkel dan kaunseling belia lepasan SPM, pemberian beg sekolah, program ihya ramadhan, edaran bubur lambuk, *food bank*, bengkel asas pengendalian drone untuk belia, kursus asas fotografi, sukan pickleball, badminton, pertandingan bola sepak, kelas memanah untuk belia, kelas mencanting batik, bengkel pengucapan awam dan lain-lain program yang memberi manfaat untuk golongan belia.

Seterusnya, demi memupuk daya kepimpinan dan sahsiah golongan belia Kerajaan Negeri turut menganjurkan program Sidang Muda yang merangkumi pelbagai siri program yang mendedahkan belia dengan perjalanan Dewan Undangan Negeri (DUN), proses pengubalan undang-undang dan pemahaman tentang sistem pentadbiran kerajaan.

- (a) Dalam perkara mengurangkan ketagihan di media sosial beberapa langkah telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) iaitu:
 - (i) Program Klik Dengan Bijak (KDB): Ditadbir oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dalam talian kepada ibu bapa, penjaga dan pendidik;
 - (ii) Melaksanakan Bengkel kepada semua Penolong Kanan Pentadbiran dan Guru Bimbingan dan kaunseling dengan kerjasama Majlis Tindakan Pengguna Negeri;
 - (iii) Melaksanakan program Internet selamat ke sekolah dengan kerjasama Majlis Tindakan Pengguna Negeri dan pihak SKMM;

- (iv) Melaksanakan program Internet selamat dan bahaya *scammer* dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
 - (v) Meneruskan agenda Jerayawara Keselamatan Dalam Talian iaitu kempen anjuran Kementerian Komunikasi yang bertujuan untuk menjadikan internet lebih selamat terutamanya bagi kanak-kanak dan keluarga. Program ini juga menangani isu buli siber dan melibatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti PDRM.
- (b) Menurut rekod JPNPP laporan kes buli melalui Sistem Pengurusan Sahsiah Dalam IDMe (MOEIS) adalah seperti berikut:

Tahun 2024: 709 murid.

Tahun 2025 (Sehingga September 2025): 313 murid.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

23. Banyak aduan diterima berhubung semak samun dan pokok besar di tanah kerajaan khususnya di kawasan Pintasan Pemancar dan lokasi lain. KADUN telah beberapa kali membantu atas dasar kecemasan, namun ini bukan penyelesaian jangka panjang. Apakah tindakan kekal yang akan diambil bagi menjamin keselamatan penduduk?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai pelan tindakan kekal berhubung isu semak samun dan pokok-pokok di atas tanah Kerajaan. Namun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Jabatan Kewangan Negeri (JKN) yang dapat digunakan untuk pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga memberikan bantuan bagi melaksanakan penyelenggaraan kepada PDT yang terlibat dalam menguruskan isu semak samun dan pokok-pokok di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

24. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperkenalkan modul literasi kecerdasan buatan (AI) dan pengaturcaraan (coding) di sekolah rendah serta menengah bagi mempersiapkan pelajar dengan kemahiran dan ilmu yang relevan dalam era AI seperti di China dan negara-negara Barat?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri seiring dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang giat memperkenalkan literasi *Artificial Intelligence* (AI) di sekolah melalui kurikulum baharu projek perintis bilik darjah berteknologi AI dan garis panduan etika penggunaan AI yang dijangka siap pada akhir tahun 2025.

Selain itu, satu (1) modul berintegrasikan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sedang dalam fasa pembangunan dan penulisan. Pembinaan kandungan modul ini akan mengikut tahap persekolahan dan teknologi AI terkini agar relevan serta sesuai diterapkan di dalam pendidikan. Berikut adalah inisiatif utama literasi AI di sekolah:-

- (i) Kurikulum Baharu Berasaskan AI

Asas AI diperkenalkan di sekolah rendah manakala aplikasi lanjutan seperti *Computer Vision* dan *Generative AI* diajar di peringkat menengah dan Kolej Vokasional.

Mata pelajaran seperti Teknologi dan Digital, Sains Komputer, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta Reka Bentuk dan Teknologi akan diintegrasikan dengan elemen AI;

(ii) Projek Perintis “*AI-Powered Classroom*”

KPM telah merintis konsep bilik darjah berkuasa AI di 11 sekolah sebagai langkah awal ke arah pembelajaran adaptif dan berteknologi tinggi. Antara sekolah terlibat di Pulau Pinang ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Maung yang merupakan sekolah rintis bagi Projek *AI-Powered Classroom*. Projek ini bertujuan untuk menyesuaikan pengalaman pembelajaran mengikut keperluan pelajar secara dinamik menggunakan teknologi AI;

(iii) Garis Panduan Literasi AI

Garis Panduan Literasi AI dijangka siap pada Akhir Tahun 2025 dengan tujuan untuk memastikan penggunaan AI di sekolah berlaku secara beretika, selamat dan berpandukan nilai murni. Dokumen ini akan menjadi dasar utama dalam mengawal selia penggunaan AI di semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); dan

(iv) Pelan Pendidikan 2026 – 2035

Pelan ini menekankan penjajaran kurikulum dengan realiti pasaran, pemeraksanaan ekosistem TVET dan pembelajaran berasaskan teknologi seperti AI. Fokus utama pelan termasuk kualiti, akses, ekuiti, keluwesan dan kemampunan dalam pendidikan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bekerjasama erat dengan *Penang Science Cluster* (PSC) dalam memastikan kemahiran AI dalam kalangan murid sentiasa dipertingkatkan antaranya dengan penganjuran Projek STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) *for All* Tahun 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

25. Huraikan jenis dan jumlah kemalangan yang berlaku di UDINI *Underpass* sejak tahun 2022 hingga kini.
- (a) Dicadangkan agar MBPP menambah *stud* atau reflektor jalan bagi meningkatkan kewaspadaan pemandu. Mohon pandangan.
- (b) Selepas pemasangan papan tanda amaran (*signage*), adakah kadar kemalangan motosikal yang terbabas atau melanggar struktur *underpass* telah berkurangan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Sejak tahun 2022 sehingga 31 Oktober 2025, terdapat sebanyak lapan (8) kes kemalangan yang melibatkan motosikal. Perincian jenis dan jumlah kemalangan mengikut tahun adalah seperti berikut:

JENIS KENDERAAN	TAHUN				JUMLAH
	2022	2023	2024	2025	
Motosikal	2	3	1	2	8
Kereta	0	0	0	0	0
Lori	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN					8

- (b) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah dan sentiasa mengambil pelbagai langkah proaktif secara

berterusan bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya di seluruh kawasan pentadbirannya.

Usaha ini telah dilaksanakan di kawasan UDINI *Underpass* melalui pemasangan dua (2) buah papan tanda larangan motosikal bersaiz besar di atas gantri dari arah Jalan Masjid Negeri dan Jalan Tunku Kudin. Selain itu, beberapa logo larangan motosikal juga dilukis pada permukaan jalan dari kedua-dua arah sebagai tanda amaran jelas kepada penunggang motosikal yang menggunakan lalu tersebut. Kesemua tindakan tersebut telah selesai dilaksanakan oleh pihak MBPP secara berfasa pada 18 Julai 2025.

Tambahan lagi, pendekatan yang diambil oleh pihak MBPP untuk memastikan tahap kewaspadaan dan mempertingkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya di kawasan UDINI *Underpass* terutamanya pada waktu malam atau dalam keadaan cuaca kurang baik adalah dengan merancang untuk memasang penanda jalan jenis pemantul cahaya kecil (*Cat's eye/ roadstud*) pada akhir tahun 2025.

- (c) Ya, berdasarkan laporan daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejak tarikh pemasangan papan tanda amaran (*signage*) pada 18 Julai 2025 sehingga 31 Oktober 2025, tiada kes kemalangan motosikal yang terbabas dilaporkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

26. Berapakah jumlah stesen dan basikal *LinkBike* yang disediakan di seluruh Pulau Pinang pada masa ini?
- (a) KADUN Seri Delima telah mencadangkan penambahan stesen *LinkBike* di Taman Kejiranan Karpal Singh dan beberapa taman bagi mewujudkan satu laluan *park hopping* yang menghubungkan kawasan rekreasi utama. Apakah status pertimbangan cadangan ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Sistem perkongsian basikal *LinkBike* hanya beroperasi di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Sejumlah 29 stesen dan 250 buah basikal *LinkBike* telah disediakan buat masa ini.
- (a) Pihak MBPP telah mengambil maklum cadangan KADUN Seri Delima bagi penambahan stesen *LinkBike* di Taman Kejiranan Karpal Singh dan beberapa taman bagi mewujudkan laluan *park hopping* yang menghubungkan kawasan rekreasi utama. Buat masa ini, cadangan tersebut dalam peringkat penelitian MBPP dan akan disusuli dengan perbincangan lanjut bersama pihak *LinkBike*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

27. Tahun 2026 telah diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia (*Visit Malaysia Year 2026*). Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini?

- (a) Berapakah sasaran jumlah pelancong yang ditetapkan?
- (b) Adakah peruntukan khusus diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan inisiatif tersebut?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Sejak Ogos tahun 2023, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan perancangan strategik bagi memperkukuh sektor penerbangan antarabangsa melalui pembukaan laluan terus ke Pulau Pinang, sekali gus merancakkan kemasukan pelancong luar negara. Bagi tahun 2025, *Penang Global Tourism (PGT)* akan melaksanakan siri jelajah promosi di 10 bandar utama dunia, menyertai enam (6) pameran perdagangan dan pelancongan antarabangsa, serta mengambil bahagian dalam *World Expo 2025 Osaka* bagi memperluas jaringan promosi global Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama Asia.

Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026), Kerajaan Negeri telah merangka plan persiapan menyeluruh dengan tumpuan terhadap pengenalan produk dan pengalaman pelancongan baharu yang menonjolkan keunikan tempatan. Antara inisiatif utama ialah program *Beyond George Town*, yang

memperluas tumpuan pelancongan ke Seberang Perai melalui pembangunan pakej agro-pelancongan, pelancongan sungai, dan pelancongan makanan (*food tourism*) seperti jelajah kulinari di Bukit Mertajam, Kepala Batas dan Nibong Tebal. Penekanan turut diberikan kepada pelancongan berasaskan alam dan kelestarian, termasuk pemuliharaan penyu di Pantai Kerachut, jelajah hutan paya bakau, dan pelancongan pertanian, serta pengukuhan pelancongan kreatif dan warisan hidup (*living heritage*) melalui bengkel masakan tradisi, kraf tangan dan aktiviti seni komuniti.

Dari sudut promosi, Pulau Pinang akan melaksanakan kempen pemasaran global berasaskan kandungan digital dan kerjasama dengan sektor swasta serta *influencer* antarabangsa untuk memaparkan keunikan budaya dan warisan negeri. Selain itu, kerjasama dengan syarikat penerbangan, agensi pelancongan dalam talian (OTA) dan pengendali pelancongan antarabangsa turut diperkukuh bagi memperkenalkan pakej khas sempena VM2026. Dalam masa yang sama, aspek pengurusan pelancongan mampan diberi tumpuan melalui sistem maklumat masa nyata bagi memantau kepadatan pelancong di tapak warisan dan menggalakkan lawatan ke kawasan alternatif.

Inisiatif seperti kempen pelancongan hijau, pengurangan penggunaan plastik, pemulihan warisan dan penggunaan produk tempatan turut diperluas bagi menyokong matlamat pelancongan bertanggungjawab. Semua langkah ini dilaksanakan selaras dengan strategi nasional VM2026 melalui kerjasama erat bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

- (a) Sasaran jumlah pelancong adalah peningkatan 5% setiap tahun bagi jumlah ketibaan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang merangkumi ketibaan domestik dan antarabangsa.
- (b) Buat masa ini, tiada peruntukan khusus yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pelaksanaan inisiatif Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan semula sebahagian kutipan cukai pelancongan yang dikutip di Pulau Pinang, dan hasil tersebut boleh

dimanfaatkan bagi tujuan promosi serta pelaksanaan aktiviti berkaitan VM2026.

Selain itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) turut menyediakan pelbagai geran sokongan bagi penganjuran acara pelancongan, kebudayaan dan kesenian, yang boleh dimohon oleh agensi kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkukuh pelaksanaan program di bawah VM2026 di peringkat negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

28. Isu Perumahan.

- (a) Berapakah jumlah projek perumahan mampu milik yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap antara tahun 2025 hingga 2027 termasuk pecahan unit mengikut kategori harga dan kawasan?
- (b) Apakah status terkini Projek Pembaharuan Semula Bandar (URC) di Taman Tun Sardon serta langkah-langkah seterusnya bagi merealisasikannya?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Sehingga 31 Oktober 2025, perincian unit rumah mampu milik (kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu - RMKu) yang sedang dalam peringkat pembinaan mengikut kategori dan kawasan adalah sebanyak 70 buah projek seperti di **LAMPIRAN A**. Walau bagaimanapun, jangkaan tarikh siap bagi setiap projek adalah berbeza kerana ia bergantung kepada kemajuan kerja di tapak.
- (b) Mesyuarat Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar (JKPSB) Bilangan 3 Tahun 2025 yang telah diadakan pada 9 Oktober 2025 telah memperaku dan meluluskan cadangan pelaksanaan Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) di Taman Tun Sardon. Cadangan ini akan dilaksanakan bersama pihak pemaju melalui kaedah Kerjasama Awam dan Swasta (*Public Private Partnership*

– PPP) berdasarkan Garis Panduan PSB (Perumahan) Pulau Pinang. Projek ini disyorkan untuk dilaksanakan di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang 2026–2030, khususnya dalam Rancangan Pelaksanaan Kedua (RP2) pada tahun 2027. Secara keseluruhan, pelaksanaan projek ini akan dijalankan secara berfasa dan dijangka mengambil tempoh selama lebih kurang 15 ke 20 tahun untuk disiapkan sepenuhnya.

Senarai Projek RMKU A, B dan C Sedang Dibina

Daerah Timur Laut										
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun		
1	2017	DTL	Sandiland Foreshore	Tetuan PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 (Lot Baru 10039), Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	B	321	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri	
2	2017	DTL	Sandiland Foreshore	Tetuan PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 & PT 354, Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	C	482	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri	
3	2017	DTL	Jelutong (Grace Harmon)	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.(Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13,14,15,16 dan PT 98	B	310	Sungai Pinang	Swasta	
4	2017	DTL	Jelutong (Grace Harmon)	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.(Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13,14,15,16 dan PT 98	C	444	Sungai Pinang	Swasta	
5	2018	DTL	Cecil Residen	Tetuan PDC Properties	Di atas tanah kerajaan Plot A bersebelahan Lot 311 (di antara Jalan Pintasan Cecil dan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu), Seksyen 11E, Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	B	348	Pengkalan Kota	Swasta	
6	2018	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Aspen Vintage Sdn.Bhd.	Lot No. 30 Seksyen 4 Bandar Jelutong Lintang Hajah Rehmah	B	38	Sungai Pinang	Swasta	
7	2018	DTL	Pangapuri Warisan Indah	Tetuan UDA Holdings SB	Di Atas Lot PT204 (Lot Baru 3195), Jalan Tanjung Tokong Lama, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong	A	550	Tanjong Bungah	GLC	
8	2019	DTL	Granito	Tetuan Taman Sri Bunga (BSG)	Di Atas Lot 4714-4723 dan 4759-4769, Sebahagian Lot Lot 4713 dan 4758, Lorong Sungai Kellan 10, Bandar Tanjung Bungah,	B	342	Tanjong Bungah	Swasta	
9	2020	DTL	Ideal Residen (2)	Tetuan Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Plot B (Lot Lama 3362), Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir	C	1,554	Seri Dellima	Swasta	
10	2021	DTL	Pinang Perdana	Tetuan Saturan Melodi Sdn Bhd	Lot 1266, Jalan Maklomb, seksyen 9W, Bandar Georgetown	C	20	Dato Keramat	Swasta	
11	2021	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Major Development (formerly Hool Hwa)	Lot 809,810 dan Plot A, Lorong Madrasah, seksyen 4 Bandar Jelutong	C	298	Batu Lanchang	Swasta	
12	2017	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Major Development (formerly Hool Hwa)	336 & 337, Mukim 13 Paya Terubong, Jalan Teochew Satu, Daerah Timur Laut	C	646	Batu Uban	Swasta	
13	2024	DTL	118 Harmony	Tetuan Depstar Sdn. Bhd.	Di atas Lot 10225, Lebuhraya, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	C	118	Batu Uban	Swasta	
14	2024	DTL	Ideal Venice Residen	Tetuan Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Di atas Lot 3363 (Plot C), Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir,	C	1,632	Batu Uban	Swasta	
15	2022	DTL	Belum dikemukakan	Tetuan Sunrich Conquest SB (GEOVALLEY)	Lot 20409, Lot 20411, Lot 10290, 10292 dan sebahagian Lot 20344, Jalan Bukit Kurus, Mukim 13, Daerah Timur Laut	C	1,670	Paya Terubong	Swasta	
							Jumlah DTL	8,773		

Daerah Barat Daya										
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun		
1	2017	DBD	Seri Bayu	Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	A	123	Pulau Betong	Swasta	
2	2017	DBD	Seri Bayu	Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	B	123	Pulau Betong	Swasta	
3	2018	DBD	Quinton	Tetuan Prisma Bumiraya SB	Lot 94 & 95, Petak A (sebahagian Lot 378 & 380), Jalan Sungai Pinang, Mk. E Balik Pulau	C	379	Pulau Betong	Swasta	
4	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Definite Hamony Development Sdn. Bhd.	Di atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar 1, DBD	B	129	Bayan Lepas	Swasta	
5	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	A	1,224	Pulau Betong	Swasta	
6	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	B	360	Pulau Betong	Swasta	
7	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	C	320	Pulau Betong	Swasta	
8	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Definite Hamony Development Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 11, Daerah Barat Daya	C	85	Bayan Lepas	Swasta	
9	2021	DBD	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	Tetuan Kobay SB sdn Bhd	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	C	259	Bayan Lepas	Swasta	
10	2022	DBD	London Pavillion	Tetuan M SUMMIT Premium	Lot 362,21173,21174 & 20088, 20092, Mukim 11, Permatang Damar Laut	C	527	Bayan Lepas	Swasta	
11	2023	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Sunrich Conquest Sdn. Bhd.	Lot 30, Persiaran Relau, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	C	1,670	Bayan Lepas	Swasta	
12	2024	DBD	Maldives Residences	Tetuan Solaris Prestasi Sdn Bhd	Lot 71641 (sebahagian Lot Lama 15318), Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Sultan Azlan Shah, Mukim 12, DBD	C	1,665	Bayan Lepas	Swasta	
							Jumlah DBD	6,854		

Seberang Perai Utara									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2018	SPU	Taman Bayu Aman	Tetuan Welcome Development Sdn Bhd	Lot 6104 (Old Lot 1870) & 6106-6136 (Lot Lama 3354), Jln Teluk Air Tawar, Mk 7, SPU	A	160	Telok Air Tawar	Swasta
2	2018	SPU	Mak Mandin	Tetuan PDC	Lot 10214, Lorong Mak Mandin 5, Butterworth, SPU	A	187	Bagan Jermal	Kerajaan Negeri
3	2021	SPU	PPA1M Konifer	Tetuan Motif Era S/B	PPA1M Konifer Permatang Sintok, Mukim 5, SPU	C	112	Bertam	Swasta
4	2018	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368 dan 1206 Mukim 13, Ara Kuda, SPU	A	104	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
5	2018	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368 dan 1206 Mukim 13, Ara Kuda, SPU	C	312	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
6	2022	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Stop Leaks & Cleanz Sdn Bhd.	Lot 10691, Lorong Ser Tawar 1, Mukim 7, Butterworth	C	96	Telok Air Tawar	Swasta
7	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 5)	Tetuan Scientex (Skudal) Sdn Bhd	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12, Seberang Perai Utara	C	364	Tasek Gelugor	Swasta
8	2024	SPU	Harbour View	Tetuan PJD Eastern Land Sdn Bhd.	Di atas Lot 3675, Jalan Harbour Place Seksyen 4, Seberang Perai Utara	C	373	Bagan Dalam	Swasta
9	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 4)	Tetuan Scientex (Skudal)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	291	Tasek Gelugor	Swasta
10	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 3)	Tetuan Scientex (Skudal)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	282	Tasek Gelugor	Swasta
11	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 7)	Tetuan Scientex (Skudal)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	204	Tasek Gelugor	Swasta
12	2018	SPU	Taman Ara Damal	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 1640, Mukim 13, Ara Kuda, SPU	A	468	Permatang Berangan	Kerajaan Persekutuan
							Jumlah SPU	2,933	

Seberang Perai Tengah									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	SPT	Taman Machang Bubok Fasa III Blok A	Tetuan TF Land Sdn. Bhd.	Lot 707,1120,1209-1212 Mk.15 SPT	A	79	Machang Bubok	Swasta
2	2018	SPT	The Loft	Tetuan Villa Acres SB	Lot-lot 17 dan 1798, Mukim 10, Jalan Betek	C	281	Padang Lalang	Swasta
3	2017	SPT	Aston Park	Tetuan Ivory Square S/B	Bukit Mertajam, Sek.4, Bukit Mertajam, SPT	A	87	Berapit	Swasta
4	2017	SPT	Taman Seri Puteri	Tetuan JKP Sdn Bhd	Guar Perahu, Kubang Semang	A	128	Penanti	Swasta
5	2017	SPT	Seberang Jaya	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Seberang Jaya	A	90	Seberang Jaya	Swasta
6	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Excell Focus Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 2163, Mukim 4, Jalan Permatang Pauh, SPT	C	410	Seberang Jaya	Swasta
7	2018	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties SB	Di atas Lot 2140, Mukim 4	C	112	Seberang Jaya	Swasta
8	2018	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	Di Atas Lot 200, 252, dan 3117, Mukim 4, Seberang Perai Tengah	A	150	Seberang Jaya	Kerajaan Persekutuan
9	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	A	193	Machang Bubok	Swasta
10	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	A	30	Machang Bubok	Swasta
11	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 2)	B	118	Machang Bubok	Swasta
12	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 3)	C	98	Machang Bubok	Swasta
13	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 4)	A	29	Machang Bubok	Swasta
14	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 4)	B	90	Machang Bubok	Swasta
15	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 5)	A	63	Machang Bubok	Swasta
16	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 5)	B	82	Machang Bubok	Swasta
17	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 6)	A	24	Machang Bubok	Swasta
18	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 6)	B	59	Machang Bubok	Swasta
19	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 7)	C	20	Machang Bubok	Swasta
20	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties Sdn Bhd	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Pematang Pauh,	C	112	Seberang Jaya	Swasta
21	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties Sdn Bhd	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Pematang Pauh,	B	198	Seberang Jaya	Swasta
22	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Iconic Ma'ison sdn Bhd	Lot 317794 (Lot lama 1370), Jalan Rozhan, Mukim 15, SPT	C	751	Machang Bubok	Swasta
23	2021	SPT	Pangsapuri Rambal Mewah	Tetuan JSC Infrabina	DI ATAS LOT 2341-2378, 240-2407 DAN PETAK A	C	396	Machang Bubok	Swasta

Seberang Peral Tengah									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
24	2019	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Taraf Ria Sdn Bhd	Lot 32905(PT3054) Mukdm 14, Jalan Bukit Minyak	C	160	Machang Bubok	Swasta
25	2022	SPT	Aston Minca Residence	Tebuan KH Venture Estate Sdn Bhd	Di atas lot 6, Seksyen 2 , Lebuh Aston , SPT	C	237	Permatang Pasfr	Swasta
26	2023	SPT	Arl Altitude	Tetuan PTL Alpha Sdn Bhd	Lot 1726, Jalan Santuari 3, Mukdm 14, SPT	C	500	Berapit	Swasta
						Jumlah SPT	4,497		

Seberang Peral Selatan									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2022	SPS	Belum dikemukakan	CMI / ECO	PT2195 (Lot lama 1534), Mukdm 11, Ladang Kaledonia, Jalan Sungai Daun	A	272	Jawf	Kerajaan Negeri
2	2022	SPS	Belum dikemukakan	CMI / Aspen	Penempatan Semula Ladang Byram Tanah Kerajaan PT2194 (Lot lama 7578), Mukdm 11, SPS, Pulau Pinang	A	68	Jawf	Kerajaan Negeri
3	2020	SPS	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di Atas Lot 402,461,752,753,754,899, dan 900, Mukdm 5, SPS	C	315	Sungai Bakap	Swasta
4	2018	SPS	Bandar Cassia Fasa 4	Tetuan PDC Properties	Bandar Cassia Fasa 4	B	3,223	Batu Kawan	Kerajaan Negeri
5	2018	SPS	Bandar Cassia Fasa 4	Tetuan PDC Properties	Bandar Cassia Fasa 4	C	8,000	Batu Kawan	Kerajaan Negeri
						Jumlah SPS	11,878		
						JUMLAH	34,965		

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVIII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

29. Apakah status cadangan kepada MBPP untuk membangunkan tapak tempat letak kereta di atas tanah rekreasi milik MBPP berhampiran Krystal Heights (Lintang Delima 14) bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan tersebut?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Tanah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang dimaksudkan adalah di Lot 2287, Lintang Delima 14, Seksyen 5, Bandar George Town yang merupakan tanah yang diperoleh bagi tujuan tanah lapang. Tanah lapang tersebut perlu dikekalkan untuk tujuan asal dan pembangunan 10% tanah lapang tersebut untuk dijadikan dataran serba guna dan tempat letak kenderaan. Pihak MBPP buat masa ini tiada perancangan untuk membangunkan tempat letak kereta di atas tanah tersebut.